



UNDANG-UNDANG KECIL

KOPERASI CO-OPBANK PERTAMA

MALAYSIA BERHAD

(Didaftarkan pada 21 September 2023)

Ditubuhkan di bawah Akta Koperasi 1993

No. Daftar : 1146

Pada : 7 Jun 1950



**PERAKUAN PENDAFTARAN
PINDAAN KEPADA UNDANG-UNDANG KECIL**

Adalah dengan ini diperakukan bahawa pindaan undang-undang kecil

2, 5(1), 9(2), 9(4), 13A, 18(2), 18(3), 18(5), 19(5), 19A,
19B, 19C, 20(1)(e), 24(2), 26(2), 26(8), 26(10), 26(11),
30(2), 33(1), 33(2), 34(1), 35, 39(1), 42(1), 42(4),
42(5), 42(6), 45(1)(c), 45(3), 48(d), 50(1), 51(2),
53(1), 54, 59A, 61, 63, 63A, 63B, 64(1), 71, 73(2),
73(2A), 73(4), 78, 79, 82, 86(1), 90 dan 93

KOPERASI CO-OPBANK PERTAMA MALAYSIA BERHAD

telah didaftarkan di bawah

subseksyen 18(3) Akta Koperasi 1993.

Difandatangani dan dimeteraikan pada hari ini
dua puluh satu haribulan September tahun dua ribu dua puluh tiga.

(RUSLI BIN JAAFAR)
Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

(ROZDEEN BIN MOHD JAAFAR)
Setiausaha
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

No. Daftar: 1146
Ruj: SKM.I.P.(PEND)P-14/()





**UNDANG-UNDANG KECIL
KOPERASI CO-OPBANK PERTAMA MALAYSIA BERHAD**

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

<u>Bil.</u>	<u>Tajuk</u>	<u>Muka Surat</u>
	BAHAGIAN I PERMULAAN	
	Undang-undang Kecil	
1.	Tajuk dan mula berkuatkuasa.	1
2.	Tafsiran.	1
3.	Perubahan dari segi nahu, jenis jantina dan bilangan.	6
	BAHAGIAN II NAMA, ALAMAT BERDAFTAR DAN KAWASAN OPERASI	
4.	Nama.	7
5.	Alamat.	7
6.	Kawasan operasi.	7
	BAHAGIAN III MATLAMAT, FUNGSI DAN AKTIVITI	
7.	Matlamat.	7
8.	Fungsi.	7
9.	Aktiviti.	7

**BAHAGIAN IV
KEANGGOTAAN**

10.	Anggota Co-opbank.	9
11.	Kelayakan menjadi anggota.	9
12.	Permohonan menjadi anggota.	10
13.	Fi masuk.	10
13A.	Modal Syer.	10
14.	Akuan anggota.	11
15.	Penerimaan menjadi anggota.	12
16.	Perolehan hak, kewajipan dan liabiliti anggota.	12
17.	Edaran Undang-undang Kecil.	12
18.	Penama.	12
18A	Hibah Bersyarat oleh anggota.	13
19.	Liabiliti anggota.	13
19A.	Pindahan Syer	14
19B.	Penolakan dan sekatan atas pindahan syer	14
19C.	Bayaran kerana mendaftarkan pindahan syer	14
20.	Hilang kelayakan sebagai anggota.	14
21.	Terhenti menjadi anggota.	15
22.	Menarik diri.	15
23.	Penggantungan dan penamatan anggota.	16
24.	Penyelesaian wang anggota.	17

**BAHAGIAN V
ORGANISASI DAN PENGURUSAN
KOPERASI**

25.	Mesyuarat agung perwakilan.	18
-----	-----------------------------	----

26.	Pemilihan perwakilan dan urusan mesyuarat agung kawasan.	18
27.	Pelantikan perwakilan sesuatu anggota.	20
28.	Mesyuarat agung perwakilan tahunan.	20
29.	Mesyuarat agung perwakilan khas.	21
30.	Notis mesyuarat agung perwakilan.	21
31.	Kuorum mesyuarat agung perwakilan tahunan dan mesyuarat agung perwakilan khas.	22
32.	Undi mesyuarat agung perwakilan tahunan dan mesyuarat agung perwakilan khas.	22
33.	Fungsi mesyuarat agung perwakilan tahunan dan mesyuarat agung perwakilan khas.	23
34.	Pengerusi mesyuarat agung perwakilan tahunan dan mesyuarat agung perwakilan khas.	24
35.	Minit mesyuarat agung perwakilan.	25
36.	Lembaga Co-opbank.	25
37.	Saraan.	25
38.	Kelayakan menjadi anggota Lembaga.	25
39.	Tempoh memegang jawatan anggota Lembaga.	26
40.	Pelucutan jawatan anggota Lembaga.	27
41.	Penamatan pelantikan anggota Lembaga.	27
42.	Penggantungan dan penamatan anggota Lembaga.	28
43.	Penggantungan pegawai Co-opbank.	29
44.	Peletakan jawatan anggota Lembaga.	29
45.	Mesyuarat Lembaga.	29
46.	Notis mesyuarat Lembaga.	30
47.	Kuorum mesyuarat Lembaga.	30
48.	Urusan mesyuarat Lembaga.	31

49.	Undi anggota Lembaga.	32
50.	Minit mesyuarat Lembaga.	32
51.	Fungsi, kuasa dan kewajipan Lembaga.	33
52.	Liabiliti anggota Lembaga.	37
53.	Tugas pengerusi dan timbalan pengerusi.	37
54.	Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Kewangan, Setiausaha Co-opbank dan Pekerja Co-opbank.	38
55.	Jawatankuasa Audit Dalaman.	38
56.	Kelayakan menjadi Jawatankuasa Audit Dalaman.	38
57.	Tempoh memegang jawatan Jawatankuasa Audit Dalaman.	39
58.	Penamatan Jawatankuasa Audit Dalaman.	39
59.	Kuasa dan kewajipan Jawatankuasa Audit Dalaman.	39
59A.	Tadbir Urus Syariah.	40
60.	Wang dan kumpulan wang Co-opbank.	40

BAHAGIAN VI ASET DAN WANG CO-OPBANK

61.	(Dimansuhkan)	41
62.	Simpanan khas, deposit atau pembiayaan.	41
63.	(Dimansuhkan)	42
63A.	(Dimansuhkan)	42
63B.	(Dimansuhkan)	42
64.	Penyelesaian modal syer.	42
65.	Keuntungan modal.	43
66.	Penerbitan syer bonus.	43
67.	Kumpulan Wang Rizab Statutori.	44
68.	Simpanan khas.	45

69.	Pembentangan dan deposit.	45
70.	Pelaburan wang.	45
71.	Pemberian pembentangan oleh Co-opbank.	45
72.	Pengagihan untung bersih teraudit.	46
73.	Dividen.	47
74.	Kecukupan modal.	47
75.	Likuiditi.	47

**BAHAGIAN VII
AKAUN DAN AUDIT**

76.	Tahun kewangan.	48
77.	Penyenggaraan akaun.	48
78.	Penyiaran dan pameran kunci kira kira teraudit dan dokumen lain.	49
79.	(Dimansuhkan)	49
80.	Pelantikan dan kewajipan juruaudit.	49
81.	Penyerahan buku dan dokumen untuk diaudit.	49
82.	Mengemukakan penyata kewangan dan laporan kepada perwakilan.	50

**BAHAGIAN VIII
PELBAGAI**

83.	Akaun bank.	50
84.	Mohor Co-opbank.	50
85.	Pertukaran alamat anggota.	50
86.	Penyediaan dokumen untuk diperiksa.	50
87.	Penyerahan tugas.	51
88.	Laporan oleh seseorang yang dilantik mewakili Co-opbank.	51
89.	Pertikaian.	51
90.	Pemeliharaan kerahsiaan.	52
91.	Pembubaran.	52
92.	Akta, Peraturan dan Undang-undang Kecil.	52
93.	Undang-undang Kecil hendaklah mengikat anggota.	52

**UNDANG-UNDANG KECIL
KOPERASI CO-OPBANK PERTAMA
MALAYSIA BERHAD**

UNDANG-UNDANG KECIL
KOPERASI CO-OPBANK PERTAMA MALAYSIA BERHAD

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Tajuk dan mula berkuatkuasa

1. (1) Undang-undang Kecil ini boleh dinamakan Undang- undang Kecil **Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad** atau ringkasnya dikenali sebagai **Co-opbank Pertama**.

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ianya didaftarkan oleh Suruhanjaya.

Tafsiran

2. Di dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

“**akaun teraudit**” termasuklah penyata kewangan, dan laporan Lembaga dan laporan juruaudit di bawah subseksyen 59(1) Akta sebagaimana yang ditakrifkan menurut peraturan 2 Peraturan;

“**Akta**” ertinya Akta Koperasi 1993 dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

“**anggota**” termasuklah seseorang atau sesuatu koperasi yang turut sama dalam permohonan pendaftaran Co-opbank dan yang telah menandatangani minit mesyuarat agung permulaan Co-opbank dan seseorang atau sesuatu koperasi yang diterima menjadi anggota Co-opbank mengikut prinsip musyarakah, Akta, Peraturan dan Undang-undang Kecil Co-opbank selepas pendaftaran;

“**anggota sedia ada**” ertinya anggota yang berdaftar sebelum atau pada tarikh perakuan pendaftaran pindaan Undang-undang Kecil ini didaftarkan;

“**anggota yang akan berdaftar**” mana-mana anggota yang akan berdaftar selepas tarikh perakuan pendaftaran pindaan Undang- undang Kecil ini didaftarkan;

“arahan” ertinya arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya kepada koperasi dari semasa ke semasa;

“aturan” ertinya aturan-aturan yang dibuat oleh Lembaga dari semasa ke semasa bagi melaksanakan mana-mana aktiviti yang dijalankan oleh Co-opbank tertakluk kepada peruntukan Akta, Peraturan dan Undang-undang Kecil;

“Bumiputera Sabah dan Sarawak” ertinya anak Negeri Sabah dan Sarawak menurut Perlembagaan Persekutuan;

“cawangan” mempunyai erti yang sama seperti yang ditakrifkan menurut Seksyen 2 Akta;

“Co-opbank” ertinya Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad;

“deposit” mempunyai erti yang sama seperti yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta termasuklah deposit Islam iaitu sejumlah wang yang disetuju terima atau dibayar mengikut Syariah—

- (a) atas terma yang di bawahnya ia akan dibayar balik sepenuhnya, dengan atau tanpa perolehan, pulangan atau apa-apa balasan berupa wang atau nilaiang wang lain, sama ada dituntut atau pada masa atau dalam hal keadaan yang dipersetujui oleh atau bagi pihak orang yang membuat bayaran itu dan orang yang menyetuju terimanya; atau
- (b) di bawah suatu perkiraan, atas terma yang hasil di bawah perkiraan itu akan dibayar kepada orang yang membayar jumlah wang itu tidak kurang daripada jumlah wang sedemikian, tetapi tidak termasuk wang yang dibayar secara *bona fide*—
 - (i) sebagai pendahuluan atau pembayaran sebahagian di bawah suatu kontrak jualan, sewaan atau penyediaan harta atau perkhidmatan lain, dan hanya boleh dibayar balik sekiranya harta atau perkhidmatan itu tidak sebenarnya dijual, disewa atau disediakan selainnya;
 - (ii) sebagai jaminan bagi pelaksanaan suatu kontrak atau sebagai jaminan berkenaan dengan apa-apa kerugian yang boleh disebabkan oleh ketidaklaksanaan suatu kontrak;
 - (iii) tanpa mengehadkan perenggan (ii), sebagai jaminan bagi penghantarserahan atau pemulangan apa-apa harta, sama ada dalam keadaan baik tertentu atau selainnya; dan
 - (iv) dalam apa-apa hal keadaan lain, atau kepada atau oleh mana-mana orang lain, sebagaimana yang dibenarkan oleh Syariah.

“dividen” ertinya bahagian keuntungan Co-opbank yang dibahagikan di kalangan anggotanya mengikut kadar modal syer yang dipegang oleh mereka, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta dan tertakluk kepada prinsip musyarakah;

“elaun” ertinya merujuk kepada apa-apa imbuhan dan manfaat yang diterima oleh anggota Lembaga dalam tempoh perkhidmatan dengan Co-opbank sama ada dalam bentuk kewangan dan bukan kewangan dan kemudahan-kemudahan lain yang dikira sebagai manfaat dan termasuk dalam pakej ganjaran sebagaimana yang diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan tahunan bagi anggota Lembaga;

“garis panduan” ertinya garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya kepada koperasi dari semasa ke semasa;

“honorarium” ertinya suatu bahagian keuntungan bersih teraudit Co-opbank yang diagihkan antara beberapa atau semua anggota Lembaga sebagai balasan bagi perkhidmatan mereka yang lazimnya tidak diberi saraan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“kawasan operasi” ertinya kawasan di mana Co-opbank dibolehkan mendapat anggotanya, sebagaimana yang ditakrifkan menurut Peraturan;

“kesalahan boleh daftar” ertinya kesalahan yang boleh didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Penjenayah-penjenayah dan Orang-orang Tak Dingini 1969, sebagaimana yang ditakrifkan menurut Jadual Pertama dan Kedua kepada Akta itu;

“Lembaga” ertinya badan pengelola Co-opbank yang kepadanya pengurusan hal ehwal Co-opbank diamanahkan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“Melayu” ertinya seseorang pada lazimnya bertutur Bahasa Melayu, beradat resam Melayu, beragama Islam atau salah seorang daripada ibu atau bapanya adalah orang Melayu;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab pembangunan koperasi, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“musyarakah” ertinya kontrak perkongsian untung rugi berdasarkan hukum Islam yang mana suatu pulangan yang tidak dijamin dan tidak tetap;

“pegawai” berhubung dengan Co-opbank ertinya seorang pengurus dan timbalan pengurus atau mana-mana anggota lain Lembaga, dan termasuklah ketua pegawai eksekutif, mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Lembaga, peraturan-peraturan

atau perintah atau Undang-undang Kecil untuk memberi arahan berkenaan dengan urusan Co-opbank, atau mana-mana pekerja;

“pekerja” ertinya kakitangan Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad;

“pelantikan” termasuklah apa-apa pelantikan atau pelantikan semula, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“penama” ertinya mana-mana individu yang dinamakan oleh anggota sebagai wasi dan pemegang amanah yang bertanggungjawab untuk membahagikan syer yang dinamakan kepadanya kepada waris yang berhak mengikut hukum faraid;

“Pengerusi Eksekutif” ertinya Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“penyata kewangan” ertinya akaun perdagangan dan untung rugi, akaun pembahagian keuntungan, kunci kira-kira dan apa-apa penyata yang ditentukan oleh Suruhanjaya sebagaimana yang ditakrifkan menurut peraturan 2 Peraturan;

“Peraturan” ertinya Peraturan-peraturan Koperasi 2010 dan pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

“perniagaan perbankan Islam” ertinya perniagaan—

- (a) menyetuju terima deposit Islam atas akaun semasa, akaun deposit, akaun simpanan atau akaun lain yang serupa, dengan atau tanpa perniagaan membayar atau memungut cek yang dikeluarkan atau dibayar oleh pelanggan; atau
- (b) menyetuju terima wang di bawah suatu akaun pelaburan;
- (c) penyediaan pembiayaan; dan
- (d) apa-apa perniagaan lain sebagaimana yang dibenarkan oleh Suruhanjaya.

“perwakilan” mempunyai erti yang sama seperti yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“prinsip koperasi” termasuklah –

- (a) keanggotaan sukarela dan terbuka;
- (b) kawalan demokratik oleh anggota;
- (c) penglibatan ekonomi oleh anggota;
- (d) autonomi dan kebebasan;
- (e) pendidikan, latihan dan maklumat;
- (f) kerjasama antara koperasi; dan

(g) mengambil berat terhadap masyarakat, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“pulangan” termasuklah apa-apa bentuk sewaan, pulangan, dividen atau faedah, termasuk apa-apa fi atau hadiah, yang kena dibayar atau akan diberikan berhubung dengan apa-apa urusniaga, transaksi atau surat cara, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“Rangka Kerja Modal” ertinya satu kaedah pengukuran modal yang ditetapkan oleh Suruhanjaya;

“Rangka Kerja Likuiditi” ertinya rangka kerja pengurusan mudah tunai yang menerangkan pendekatan bagi pengukuran kedudukan mudah tunai Co-opbank;

“sabitan” termasuklah sesuatu dapatan bersalah dan pembuktian kesalahan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“simpanan khas” ertinya wang yang didepositkan oleh seseorang anggota dengan Co-opbank dengan niat nyata untuk menggunakan wang yang didepositkan untuk suatu maksud yang dinyatakan yang dibenarkan di bawah Peraturan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“seseorang anggota” ertinya anggota yang terdiri daripada seseorang individu;

“sesuatu anggota” ertinya anggota yang terdiri daripada koperasi asas, koperasi menengah atau koperasi atasan yang diterima menjadi anggota Co-opbank;

“subsidiari” ertinya sesuatu syarikat, sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 2016, yang komposisi Lembaga Pengarahnya atau lebih daripada separuh kuasa mengundinya dikawal oleh Co-opbank, atau yang lebih daripada separuh modal syer diterbitkannya dipegang oleh Co-opbank, dan termasuklah sesuatu subsidiari, sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta itu, bagi syarikat itu, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“Suruhanjaya” ertinya Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“syer” ertinya bahagian dalam modal syer Co-opbank yang disumbangkan oleh seseorang anggota atau sesuatu anggota berkenaan dengan keanggotaannya dalam Co-opbank, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“syer bonus” ertinya syer tambahan yang diberikan secara percuma kepada

pemegang syer sedia ada berasaskan jumlah syer yang dipegang;

“**syer keutamaan**” ertinya suatu syer tidak kira dengan nama apapun dipanggil, boleh tebus dan boleh tukar dan ianya bercirikan pulangan bukan kumulatif, distrukturkan berdasarkan prinsip Syariah;

“**tanah**” mempunyai erti yang sama seperti yang ditakrifkan dalam Akta Tafsiran 1948 dan 1967 (Akta 388);

“**tanazul**” ertinya pengguguran tuntutan hak mengikut hukum Islam;

“**Undang-undang Kecil**” ertinya Undang-undang Kecil berdaftar yang dibuat oleh Co-opbank pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan oleh Akta dan termasuklah sesuatu pindaan berdaftar Undang-undang Kecil;

“**wang berlebihan**” ertinya tertakluk kepada Peraturan, wang yang melebihi amaan yang diperlukan oleh Co-opbank bagi kegunaan segera sebagai modal kerja bagi perniagaannya, yang boleh didepositkan atau dilaburkan di luar Co-opbank tanpa menjelaskan pengendalian perniagaan itu;

“**waris**” ertinya orang yang berhak mendapat haknya atau bahagiannya mengikut hukum faraid daripada harta pusaka anggota individu yang meninggal dunia; dan

“**wasi**” ertinya pemegang amanah yang dilantik untuk menguruskan harta pusaka anggota individu yang meninggal dunia;

Perubahan dari segi nahu, jenis jantina dan bilangan

3. (1) Jika mana-mana perkataan atau perbahasan ditakrif dalam sesuatu Undang-undang bertulis, takrif itu hendaklah diperluaskan kepada segala perubahan nahu dan perbahasan kognat perkataan itu atau perbahasan yang ditakrifkan.

(2) Perkataan-perkataan dan perbahasan-perbahasan yang memaksudkan jenis lelaki meliputi perempuan.

(3) Perkataan-perkataan dan perbahasan-perbahasan dalam bilangan tunggal meliputi bilangan jamak, dan perkataan-perkataan dan perbahasan-perbahasan dalam bilangan jamak meliputi bilangan tunggal.

BAHAGIAN II

NAMA, ALAMAT BERDAFTAR DAN KAWASAN OPERASI

Nama

4. Menurut subseksyen 7(4) dan (5) Akta, Koperasi ini hendaklah dinamakan **Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad** atau ringkasnya dikenali sebagai **Co-opbank Pertama**.

Alamat

5. (1) Alamat yang didaftarkan bagi Co-opbank ialah **Tingkat 6, No. 27, Wisma JcbNext, Lorong Medan Tuanku 1, Off Jalan Sultan Ismail, 50300 Kuala Lumpur.**

(2) Co-opbank hendaklah memberitahu kepada Suruhanjaya dalam tempoh tiga puluh hari tentang tiap-tiap pertukaran alamat menurut seksyen 11 Akta.

Kawasan operasi

6. Kawasan operasi Co-opbank ialah **seluruh Malaysia**.

BAHAGIAN III

MATLAMAT, FUNGSI DAN AKTIVITI

Matlamat

7. Matlamat Co-opbank ialah untuk meningkatkan taraf ekonomi anggota mengikut prinsip koperasi dan mengadakan daya usaha lain yang difikirkan perlu berlandaskan Syariah bagi kepentingan anggota dan memudahkan operasi anggota.

Fungsi

8. Fungsi utama Co-opbank ialah **perbankan Islam**.

Aktiviti

9. (1) Bagi mencapai matlamat dan fungsi menurut Undang-undang Kecil 7 amnya dan 8 khasnya, Co-opbank boleh, tertakluk kepada peruntukan Akta dan Peraturan—

- (a) menjalankan aktiviti berikut:
- (i) perniagaan perbankan Islam;
 - (ii) pajak gadai Islam (*Ar-Rahnu*); dan
 - (iii) lain-lain aktiviti berkaitan dengan perbankan dan perkhidmatan kewangan yang diluluskan oleh Lembaga atau mesyuarat agung perwakilan tahunan, tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya.
- (b) menjalankan aktiviti kebajikan anggota, pendidikan dan perniagaan;
- (c) membeli, menjual, memindahkan hak milik, mendirikan, menyewa, mencagar, memajak, mengadai dan memiliki harta alih dan harta tak alih;
- (d) melaburkan wang berlebihan dalam perkara yang dibenarkan menurut seksyen 54 Akta;
- (e) mengadakan subsidiari menurut seksyen 19 Akta dengan kelulusan Suruhanjaya; dan
- (f) menyertai usahasama dan menjadi anggota kepada koperasi-koperasi lain.

(2) Bagi melaksanakan aktiviti menurut fasal (1), Co-opbank boleh mendapatkan melalui mana-mana atau kesemua yang berikut —

- (a) modal dengan cara mengumpul syer, deposit, pembiayaan atau simpanan khas daripada anggota;
- (b) pembiayaan daripada bukan anggota dengan kelulusan Suruhanjaya menurut perenggan 50(1)(e) dan subseksyen 52(2) Akta dan Peraturan;
- (c) pembiayaan daripada mana-mana institusi kewangan yang berlesen, atau koperasi sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya menurut perenggan 50 (1) (ea) Akta; dan
- (d) deposit, simpanan atau pelaburan daripada bukan anggota dengan kelulusan daripada Suruhanjaya dan Bank Negara Malaysia atau mana-mana Pengawalselia yang berkaitan.

(3) Bagi mengendalikan sesuatu aktiviti menurut fasal (1), Lembaga hendaklah—

- (a) membuat aturan aktiviti yang sesuai tertakluk kepada Undang-undang Kecil 33 dan diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan tahunan; dan
- (b) membuat dan meluluskan aturan aktiviti yang berkaitan aktiviti perniagaan Co-opbank tertakluk kepada Undang-undang Kecil 51, dan dimaklumkan dalam mesyuarat agung perwakilan tahunan.

Satu salinan hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya dalam tempoh tiga puluh hari selepas aturan aktiviti itu diluluskan.

- (4) Bagi maksud perenggan 50(1)(e) dan perenggan 50(1)(ea) Akta, Co-opbank hendaklah—
- (a) menyatakan antaranya terma dan syarat dalam aturan berhubung dengan:
 - (i) deposit dan pembiayaan daripada anggota; dan
 - (ii) deposit dan pembiayaan daripada bukan anggota;
 - (b) meluluskan aturan itu di dalam mesyuarat Lembaga dan memaklumkan kepada mesyuarat agung perwakilan; dan
 - (c) mengemukakan aturan itu kepada Suruhanjaya dalam masa tiga puluh hari selepas aturan itu diluluskan.

Walau apa pun perenggan (b), Suruhanjaya boleh, demi kepentingan koperasi, mengarahkan supaya aturan dipinda.

(5) Walau apa pun peruntukan Undang-undang Kecil ini, setiap aktiviti yang hendak dijalankan adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan mana-mana Undang-undang bertulis lain.

BAHAGIAN IV KEANGGOTAAN

Anggota Co-opbank

10. Anggota Co-opbank termasuklah seseorang atau sesuatu koperasi yang turut sama dalam permohonan pendaftaran Co-opbank dan yang telah menandatangani minit mesyuarat agung permulaan Co-opbank dan seseorang atau sesuatu koperasi yang diterima menjadi anggota Co-opbank mengikut prinsip musyarakah, Akta, Peraturan dan Undang-undang Kecil Co-opbank selepas pendaftaran.

Kelayakan menjadi anggota

11. (1) Keanggotaan individu Co-opbank terbuka kepada orang Melayu, atau orang yang beragama Islam atau Bumiputera Sabah dan Sarawak.

- (2) Bagi individu yang ingin menjadi anggota Co-opbank hendaklah—
- (a) warganegara Malaysia;
 - (b) telah mencapai umur lapan belas tahun;
 - (c) bermastautin atau mempunyai tanah atau bekerja dalam kawasan operasi Co-opbank; dan

- (d) bukan seorang yang:
- (i) tidak upaya dari segi mental;
 - (ii) bankrap yang belum dilepaskan;
 - (iii) terhadapnya masih berkuat kuasa suatu sabitan bagi kesalahan yang boleh daftar; atau
 - (iv) telah dibuang daripada menjadi anggota di bawah Akta dan suatu tempoh selama satu tahun belum lagi berlalu dari tarikh pembuangan itu.
- (3) Bagi koperasi, hendaklah yang berdaftar menurut Akta Koperasi 1993.

Permohonan menjadi anggota

12. Permohonan menjadi anggota hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan oleh Co-opbank dan dialamatkan ke pejabat berdaftar Co-opbank.

Fi masuk

13. (1) Tiap-tiap permohonan menjadi anggota hendaklah disertakan dengan fi masuk sebanyak–

- (a) bagi seseorang individu, **RM25.00 (Ringgit: dua puluh lima)**, yang akan dikembalikan jika permohonan ditolak oleh Lembaga; dan
- (b) bagi sesuatu koperasi, **RM50.00 (Ringgit: lima puluh)**, yang akan dikembalikan jika permohonan ditolak oleh Lembaga.

(2) Bagi anggota yang terhenti atau berhenti menjadi anggota dan memohon semula untuk menjadi anggota, dikenakan fi masuk sebanyak–

- (a) bagi seseorang individu, **RM100.00 (Ringgit: satu ratus)**; dan
- (b) bagi sesuatu koperasi, **RM200.00 (Ringgit: dua ratus)**.

(3) Penama atau waris yang sah kepada individu yang meninggal dunia tidak dikenakan fi masuk jika memohon untuk menjadi anggota dalam tempoh tiga bulan selepas kematian anggota itu.

(4) Semua fi masuk hendaklah dikreditkan ke dalam akaun untung rugi.

Modal Syer

13A. (1) Menurut perenggan 50(1)(b) Akta, tiap-tiap anggota hendaklah melanggan dan membayar syer seperti yang berikut:

- (a) bagi seseorang individu hendaklah melanggan dan membayar sekurang-kurangnya minimum syer bernilai **RM1,000.00 (Ringgit: satu ribu)**; dan
- (b) bagi suatu koperasi hendaklah melanggan dan membayar sekurang-kurangnya minimum syer bernilai **RM5,000.00 (Ringgit: lima ribu)**,

sebagai sumbangan minimum yang hendaklah dijelaskan dalam tempoh yang dinyatakan di bawah fasal (2). Syer minimum ini tidak boleh dikeluarkan kecuali selepas keanggotaan anggota itu tamat.

(2) Tempoh menjelaskan syer minimum menurut fasal (1) adalah sebagaimana berikut:

- (a) seseorang atau koperasi yang turut sama dalam permohonan pendaftaran Co-opbank ini atau yang telah menandatangan minit mesyuarat agung permulaan Co-opbank hendaklah menjelaskan syernya dalam tempoh satu bulan dari tarikh perakuan pendaftaran diterima oleh Co-opbank; dan
- (b) seseorang atau koperasi yang diterima menjadi anggota mengikut Undang-Undang Kecil 15 hendaklah menjelaskan syernya dalam tempoh satu bulan dari tarikh penerimaannya sebagai anggota.

Akuan anggota

14. (1) Seseorang individu yang memohon untuk menjadi anggota hendaklah menandatangkan suatu akuan bahawa dia—

- (a) akan terikat dengan Undang-undang Kecil ini dan aturan-aturan aktiviti yang sedia ada serta apa-apa pindaan;
- (b) akan terikat dengan terma dan syarat menurut prinsip musyarakah;
- (c) bukan seorang bankrap yang belum dilepaskan;
- (d) bukan seorang yang terhadapnya masih berkuatkuasa suatu sabitan bagi kesalahan yang boleh daftar; dan

- (e) tidak dibuang daripada menjadi anggota mana-mana koperasi dalam tempoh satu tahun.
- (2) Sesuatu koperasi yang memohon untuk menjadi anggota hendaklah menandatangan suatu akuan bahawa ia—
- (a) akan terikat dengan Undang-undang Kecil ini dan aturan-aturan aktiviti yang sedia ada serta apa-apa pindaan; dan
 - (b) akan terikat dengan terma dan syarat menurut prinsip musyarakah.
- (3) Mana-mana pemohon yang enggan menandatangani akuan tersebut tidak boleh diterima menjadi anggota.
- (4) Seseorang atau sesuatu koperasi yang telah menjadi anggota dengan sebab turut sama dalam membuat permohonan bagi pendaftaran Co-opbank dan mereka yang telah menandatangani minit mesyuarat agungpermulaan Co-opbank, dikehendaki menandatangani akuan menurut fasal (1)atau (2) dalam tempoh empat puluh lima hari selepas diterima perakuan pendaftaran Co-opbank.

Penerimaan menjadi anggota

15. (1) Permohonan menjadi anggota hendaklah dipertimbangkan oleh Lembaga dalam mesyuaratnya yang boleh menerima atau menolak sesuatu permohonan itu tanpa menyatakan sebab-sebabnya.

(2) Seseorang individu dan sesuatu koperasi yang diterima menjadi anggota hendaklah dimaklumkan secara bertulis dalam tempoh tidak lebih daripada tiga puluh hari selepas penerimaannya itu.

Perolehan hak, kewajipan dan liabiliti anggota

16. Menurut seksyen 28 Akta, tiap-tiap anggota yang telah menjelaskan fi masuk dan bayaran syer minimum yang dipersetujui disifatkan boleh melaksanakan segala hak, kewajipan dan liabiliti sebagai anggota sebagaimana yang terkandung di dalam Undang-undang Kecil ini.

Edaran Undang-undang Kecil

17. Tiap-tiap anggota hendaklah diberi dengan percuma satu naskah Undang-undang Kecil ini. Naskah tambahan akan dikenakan bayaran.

Penama

18. (1) Tiap-tiap anggota individu hendaklah menamakan seorang penama di sisi Undang-undang untuk menerima wang yang terhak baginya di dalam Co-opbank bagi diagihkan kepada waris yang berhak setelah anggota itu meninggal dunia.

- (2) Bagi pelantikan penama, tiap-tiap anggota individu hendaklah –
- (a) menamakan seorang penama di sisi undang-undang untuk menerima syer, pulangan atau kepentingan anggota daripada Co-opbank sebagai Wasi bagi diagihkan kepada waris yang berhak setelah anggota itu meninggal dunia menurut undang-undang faraid kepada orang Islam dan undang-undang wasiat kepada orang bukan Islam; dan
 - (b) penamaan tersebut boleh dari semasa ke semasa dibatalkan atau diubah oleh anggota dengan mengisi borang yang ditetapkan oleh Co-opbank.

(3) Tertakluk kepada Undang-undang Kecil 11 dan 12, seseorang penama boleh diterima menjadi anggota dan penama yang demikian itu hendaklah dianggap telah menjadi anggota mulai tarikh anggota yang digantikannya itu diterima sebagai anggota.

(4) Koperasi hendaklah menyimpan suatu Daftar Penama yang mengandungi sekurang-kurangnya nama, nombor kad pengenalan dan alamat penama.

(5) Sekiranya tiada mana-mana orang yang dinamakan sebagaimana fasal (1), syer, pulangan atau kepentingan anggota yang mati boleh dipindahkan kepada wakil disisi undang-undang bagi anggota yang mati itu atau kepada orang yang berhak menurut apa-apa pembahagian yang dibuat dibawah mana-mana undang-undang pembahagian harta pusaka.

Hibah Bersyarat oleh Anggota

18A. Seseorang anggota boleh menamakan benefisiari, untuk menerima manfaat yang terhak baginya dalam Co-opbank, atas kematiannya atau anggapan kematiannya di bawah hibah bersyarat iaitu penyerahan langsung dan bersyarat tanpa pemberian balasan mengikut hukum Islam.

Liabiliti anggota

19. (1) Liabiliti anggota hendaklah terhad kepada jumlah syer yang dimilikinya sekiranya pendaftaran Co-opbank dibatalkan.

(2) Liabiliti bekas anggota hendaklah tidak berterusan lebih daripada dua tahun dari tarikh keanggotaannya terhenti.

(3) Harta pusaka seseorang anggota individu yang telah meninggal dunia tidak bertanggungan bagi hutang Co-opbank, sebagaimana yang ada pada tarikh kematiannya, melebihi tempoh dua tahun dari tarikh kematian itu menurut subseksyen 35(2) Akta.

- (4) Harta pusaka menurut fasal (3) adalah syer dalam Co-opbank.
- (5) Walau apa pun fasal (3) di atas, ianya tidak menjelaskan hak-hak Co-opbank menurut Seksyen 22 Akta.

Pindahan Syer

19A. (1) Seseorang anggota boleh memindahkan syernya yang melebihi sumbangan minimum menurut fasal (1) Undang-undang Kecil 13A kepada anggota lain.

(2) Pindahan syer tersebut hanya boleh berkuat kuasa setelah borang pemindahan ditandatangani oleh anggota yang lain itu dan didaftarkan oleh Co-opbank, sepatimana kehendak peraturan.

(3) Syer seseorang anggota individu yang meninggal dunia atau dianggap meninggal dunia boleh dipindahkan kepada penama tertakluk kepada fasal (2) Undang-undang Kecil 18.

(4) Pemindahan syer tersebut hendaklah dibuat dalam tempoh enam bulan selepas kematian anggota itu.

Penolakan dan sekatan atas pindahan syer

19B. Lembaga boleh menolak sebarang permohonan bagi pemindahan syer tanpa memberi sebab sebabnya demi kepentingan Co-opbank.

Bayaran kerana mendaftarkan pindahan syer

19C. Semua surat pindahan syer yang didaftarkan hendaklah disimpan oleh Co-opbank ini. Sebarang surat pindahan syer yang ditolak pendaftarannya oleh Lembaga hendaklah dikembalikan kepada anggota yang memohon pindahan itu, melainkan jika Lembaga mengesyaki sebarang kepalsuan. Bayaran seperti yang ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa bolehlah dikenakan kerana pendaftaran pindahan syer.

Hilang kelayakan sebagai anggota

20. (1) Seseorang anggota individu akan hilang kelayakan sebagai anggota jika dalam tempoh menjadi anggota, dia —

- (a) tidak upaya dari segi mental;
- (b) seorang bankrap yang belum dilepaskan;
- (c) seorang yang terhadapnya masih berkuatkuasa suatu sabitan bagi kesalahan boleh daftar;
- (d) telah dibuang daripada menjadi anggota koperasi dan tempoh satu tahun belum berakhir;
- (e) tidak lagi bermastautin atau mempunyai tanah atau bekerja dalam kawasan operasi Co-opbank; atau
- (f) hilang kewarganegaraan Malaysia.

(2) Sesuatu koperasi yang menjadi anggota Co-opbank hilang kelayakan sebagai anggota jika pendaftarannya dibatalkan oleh Suruhanjaya.

Terhenti menjadi anggota

21. (1) Keanggotaan anggota terhenti, mengikut mana yang berkenaan, dalam keadaan berikut:

- (a) meninggal dunia;
 - (b) bagi anggota yang hilang, disahkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan sebagai meninggal dunia;
 - (c) menarik diri menurut Undang-undang Kecil 22; atau
 - (d) ditamatkan menurut Undang-undang Kecil 23.
- (2) Lembaga hendaklah memecat keanggotaan anggota yang—
 - (a) didapati membuat akuan palsu menurut fasal (1) Undang-undang Kecil 14;
 - (b) hilang kelayakan sebagai anggota menurut Undang-undang Kecil 20; atau
 - (c) terhenti keanggotaannya menurut perenggan (c) fasal (1); atau
 - (d) gagal menjelaskan syer minimum menurut Undang-undang Kecil Co-opbank.

Menarik diri

22. (1) Anggota boleh menarik diri daripada Co-opbank dengan memberi notis bertulis **dua belas** bulan terlebih dahulu kepada Lembaga. Atas sebab yang munasabah, Lembaga boleh membentarkan penarikan diri dalam tempoh yang singkat.

(2) Melainkan tarikh lebih awal dipersetujui oleh Lembaga, maka keanggotaan anggota itu hendaklah terhenti hanya pada hari genap tempoh notisnya.

(3) Dalam tempoh notis itu, anggota yang demikian hendaklah masih mempunyai hak, kewajipan dan liabiliti sebagai anggota.

(4) Bagi sesuatu koperasi, notis menarik diri daripada anggota hendaklah ditandatangan oleh pengurus dan tidak kurang daripada dua orang ahli Lembaganya dan hendaklah disertakan salinan ketetapan menarik diri yang diluluskan dalam mesyuarat agung atau mesyuarat Lembaga, mana yang berkenaan.

(5) Anggota yang menarik diri hendaklah tidak berhutang dengan Co-opbank.

Penggantungan dan penamatan anggota

23. (1) Lembaga boleh menggantung mana-mana anggota jika majoriti anggota Lembaga berpuas hati bahawa anggota itu telah bertindak mengikut suatucara yang memudaratkan kepentingan Co-opbank atau melakukan mana-mana daripada perkara berikut:

- (a) merujukkan pertikaian atau aduan kepada mana-mana orang selain daripada Suruhanjaya;
- (b) membuat kenyataan dalam akhbar atau mana-mana media massa mengenai Co-opbank tanpa kebenaran Lembaga;
- (c) membuat tuduhan palsu ke atas anggota Lembaga atau anggota atau bekas anggota atau pegawai Co-opbank;
- (d) memburuk-burukkan Co-opbank sehingga mencemarkan nama baik dan menjelaskan perjalanan Co-opbank; atau
- (e) bertindak di luar etika dalam mana-mana mesyuarat sehingga menjelaskan perjalanan mesyuarat itu.

(2) Keputusan untuk menggantung keanggotaan mana-mana anggota boleh dibuat oleh Lembaga hanya setelah anggota berkenaan itu diberitahu secara bertulis mengenai tuduhan yang jelas terhadapnya. Anggota berkenaan hendaklah diberi peluang untuk menyatakan sebab secara bertulis dalam tempoh dua puluh satu hari dari tarikh surat diterima mengapa keanggotaannya tidakboleh digantung.

(3) Tiap-tiap kes penggantungan hendaklah dibentangkan kepada mesyuarat agung perwakilan yang terawal dan dijadikan sebagai fungsi pertama mesyuarat. Anggota yang digantung keanggotaannya itu hendaklah diberitahu secara bertulis tidak kurang daripada lima belas hari sebelum diadakan mesyuarat, tentang tarikh, masa, tempat dan haknya untuk membela diri akan dijalankan di mesyuarat itu.

(4) Anggota yang digantung di bawah fasal (1) hendaklah, mulai dari tarikh penggantungan itu, berhenti menjalankan segala haknya dalam Co-opbank dan tidak berhak untuk menerima apa-apa faedah selama tempoh penggantungan itu melainkan hak menyuarakan hal penggantungan keanggotaannya itu di dalam mesyuarat agung perwakilan.

(5) Apa-apa penggantungan keanggotaan di bawah fasal (1) adalah tertakluk kepada pengesahan majoriti anggota di mesyuarat agung perwakilan terawal yang diadakan hanya selepas—

- (a) mendengar penjelasan daripada anggota berkenaan sekiranya anggota berkenaan hadir; atau
- (b) menimbang fakta pertuduhan yang dibentangkan oleh

Lembaga, sekiranya anggota tersebut tidak hadir.

(6) Pengesahan penggantungan keanggotaan anggota itu oleh mesyuarat agung perwakilan di bawah fasal (5) hendaklah disifatkan mula berkuat kuasa dari tarikh penggantungan anggota itu.

(7) Selepas pengesahan penggantungan keanggotaan oleh mesyuarat agung perwakilan, keanggotaan anggota itu hendaklah ditamatkan mulai daritarikh mesyuarat agung perwakilan itu.

(8) Jika penggantungan anggota di bawah fasal (1) tidak disahkan oleh mesyuarat agung perwakilan, Co-opbank hendaklah mengekalkan keanggotaan anggota itu, dan apa-apa faedah yang patut diterima oleh anggota itu selama tempoh penggantungannya hendaklah dibayar kepadanya dengan serta-merta.

Penyelesaian wang anggota

24. (1) Jika anggota terhenti daripada menjadi anggota Co-opbank menurut Undang-undang Kecil ini, semua wang kepunyaannya melainkan nilai syer miliknya, setelah ditolak hutangnya dengan Co-opbank hendaklah, mana yang berkenaan—

- (a) sekiranya anggota ditamatkan keanggotaannya, dikembalikan kepadanya;
- (b) sekiranya anggota hilang keupayaan dari segi mental dan tiada pentadbir atau pemegang amanah bagi hartanya yang telah dilantik, dikembalikan kepada sesiapa yang difikirkan wajar untuk menerima bagi pihaknya sebaik sahaja penerima itu ditentukan;
- (c) sekiranya anggota meninggal dunia atau disahkan sebagai meninggal dunia, dikembalikan kepada penamanya atau warisnya atau wakilnya yang sah, menurut seksyen 24 Akta atau kepada Pegawai Pentadbir Pusaka jika selepas enam bulan dari tarikh kematianya, wakilnya yang sah tidak dapat dipastikan atau tidak dilantik atau kepada benifisiari hibah bersyarat mengikut Undang-undang Kecil 18A;
- (d) sekiranya anggota menarik diri, dikembalikan kepadanya selepas akhir tempoh notis;
- (e) sekiranya anggota tidak lagi bermastautin, mempunyai tanah dan bekerja dalam kawasan operasi Co-opbank, dikembalikan kepadanya dengan sewajarnya; dan
- (f) sekiranya pendaftaran sesuatu koperasi dibatalkan, dibayar kepada pihak yang telah dilantik oleh Suruhanjaya menurut seksyen 74 Akta.

(2) Penyelesaian mengenai syer anggota yang terhenti keanggotaannya sebagaimana yang ditentukan dalam akaun teraudit terakhir Co-opbank, hendaklah

tertakluk kepada peruntukan Undang-undang Kecil 19A dan 64.

(3) Co-opbank hendaklah mempunyai tuntutan di atas segala syer dan lain-lain hak yang didaftarkan atas nama tiap-tiap anggota Co-opbank bagi menyelesaikan segala hutang dan lain-lain tanggungan anggota itu menurut seksyen 22 Akta.

BAHAGIAN V

ORGANISASI DAN PENGURUSAN KOPERASI

Mesyuarat agung perwakilan

25. (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta, Peraturan, perintah, arahan atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa dan Undang-undang Kecil, kuasa tertinggi bagi Co-opbank hendaklah terletakhak pada mesyuarat agung perwakilan, yang padanya tiap-tiap perwakilan mempunyai hak untuk hadir dan mengundi.

(1A) Mesyuarat agung yang dijalankan secara perwakilan akan mengandungi:

- (a) wakil-wakil individu yang dilantik mengikut Undang-undang Kecil 26(2);
- (b) perwakilan koperasi, yang dilantik mengikut Undang-undang Kecil 26(2A); dan
- (c) anggota-anggota Lembaga, tertakluk kepada Undang-undang Kecil 32(1A)(c).

(2) Mesyuarat agung perwakilan hendaklah terbahagi kepada dua jenis iaitu mesyuarat agung perwakilan tahunan dan mesyuarat agung perwakilan khas.

Pemilihan perwakilan dan urusan mesyuarat agung kawasan

26. (1) Bagi maksud seksyen 37 Akta, Lembaga boleh menentukan kawasan-kawasan mesyuarat dan memanggil satu mesyuarat agung di tiap-tiap kawasan untuk memilih perwakilan individu dan koperasi ke mesyuarat agung perwakilan. Bagi pemilihan perwakilan, setiap kawasan hendaklah mempunyai sekurang kurangnya enam ratus anggota.

(2) Bilangan perwakilan individu yang dipilih bagi sesuatu kawasan hendaklah mengikut nisbah anggota individu seperti berikut:

- (a) bagi tiap-tiap seratus orang anggota individu, seorang perwakilan; dan
- (b) jumlah perwakilan bagi sesuatu kawasan hendaklah tidak melebihi tiga puluh orang.
- (c) Anggota individu hanya boleh bertanding sebagai perwakilan individu sahaja.

(2A) Bilangan perwakilan koperasi hendaklah mengikut nisbah iaitu setiap dua (2) koperasi satu wakil, tertakluk kepada had tidak melebihi dua puluh lima (25) wakil bagi setiap kawasan.

- (3) Notis bagi mesyuarat agung kawasan hendaklah—
- (a) menentukan tarikh, masa, tempat dan agenda mesyuarat;
 - (b) diberi kepada anggota layak dan tinggal dalam sesuatu kawasan tidak kurang daripada lima belas hari sebelum diadakan mesyuarat agung itu; dan
 - (c) disampaikan berasingan melalui pos atau dengan cara lain yang munasabah.

(4) Hanya anggota-anggota yang telah menjelaskan bayaran menurut Undang-undang Kecil 16, berhak menerima notis untuk menghadiri mesyuarat agung kawasan dan berhak mempunyai satu undi dan layak menjadi perwakilan ke sesuatu mesyuarat agung perwakilan.

(5) Seorang perwakilan akan kekal menjadi perwakilan selagi dia menjadi anggota, sehingga mesyuarat agung kawasan yang akan datang untuk memilih perwakilan-perwakilan baru. Sekiranya perwakilan itu berhenti menjadi anggota atau menarik diri menjadi perwakilan, maka hilanglah hak perwakilan kawasan yang berkenaan.

(6) Kuorum bagi mengadakan mesyuarat agung kawasan hendaklah satu persepuhlus daripada jumlah anggota yang layak menerima notis mesyuarat dalam kawasan yang berkenaan atau seratus orang mengikut mana yang kurang. Sekiranya dalam masa tiga puluh minit selepas waktu yang ditetapkan bagi mesyuarat itu, bilangan anggota yang hadir belum cukup, maka mesyuarat itu hendaklah dibatalkan.

(7) Lembaga kemudiannya hendaklah memanggil satu mesyuarat lain dengan memberi notis seperti yang diperuntukkan menurut fasal (3). Sekiranya dalam masa tiga puluh minit selepas masa yang ditetapkan bagi mesyuarat ini, tidak hadir kuorum yang dikehendaki menurut fasal (6), maka perwakilan tidaklah boleh dipilih dan hilanglah hak perwakilan kawasan itu.

(8) Anggota-anggota yang hadir dalam mesyuarat agung kawasan hendaklah memilih seorang pengurus daripada perwakilan kawasan atau mana-mana anggota Lembaga yang hadir untuk mempengaruhi mesyuarat dan seorang setiausaha untuk merekodkan segala butir-butir mesyuarat. Minit mesyuarat hendaklah ditandatangani oleh pengurus dan setiausaha mesyuarat yang dipilih oleh anggota-anggota dan hendaklah dikirimkan kepada Lembaga dalam masa tujuh hari dari tarikh mesyuarat diadakan.

(9) Seseorang anggota tidak boleh melantik wakil untuk hadir atau mengundi bagi pihaknya dalam suatu mesyuarat agung kawasan.

- (10) Seseorang anggota Lembaga hendaklah—
- (a) dianggap sebagai seorang perwakilan dalam mesyuarat agung perwakilan tahunan yang diadakan;
 - (b) menjadi seorang perwakilan dalam mesyuarat agung perwakilan walaupun ia mengosongkan jawatan atau tidak dipilih sebagai Lembaga; dan
 - (c) menjadi perwakilan sehingga mesyuarat agung kawasan terdekat.

(11) Mesyuarat agung kawasan hendaklah diadakan tidak lewat daripada dua bulan sebelum mesyuarat agung perwakilan tahunan dan hendaklah membentangkan perkara-perkara berikut —

- (a) akaun teraudit koperasi, atau draf akaun;
- (b) belanjawan tahunan yang akan dibentangkan di mesyuarat agung perwakilan tahunan Co-opbank;
- (c) cadangan pindaan kepada Undang-undang Kecil Co-opbank, jika ada;
- (d) pemilihan perwakilan ke mesyuarat agung perwakilan tahunan Co-opbank; dan
- (e) usul daripada Lembaga dan anggota, jika ada.

Pelantikan perwakilan sesuatu anggota

27. (1) Sesuatu anggota boleh melantik seorang dari kalangan anggota Lembaganya sebagai perwakilan bagi menghadiri mesyuarat agung perwakilan.

(2) Sesuatu anggota boleh dari semasa ke semasa melantik atau membatalkan pelantikan perwakilannya. Pelantikan seorang perwakilan hendaklah dianggap berterusan sehingga notis membatalkan pelantikannya telah diterima oleh Co-opbank.

(3) Seorang perwakilan akan kekal menjadi perwakilan selagi dia menjadi anggota Lembaga sesuatu anggota. Sekiranya perwakilan itu terhenti menjadi anggota Lembaga sesuatu anggota atau menarik diri menjadi perwakilan, maka sesuatu anggota berkenaan hendaklah melantik perwakilan yang baru untuk mewakilinya.

Mesyuarat agung perwakilan tahunan

28. Mesyuarat agung perwakilan tahunan menurut subseksyen 39(1) Akta, hendaklah diadakan tidak lewat daripada enam bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan atau tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang diluluskan oleh Suruhanjaya.

Mesyuarat agung perwakilan khas

29. (1) Lembaga pada bila-bila masa boleh, atau apabila ada rekuisisi yang ditandatangan oleh sekurang-kurangnya satu perlima atau satu ratus perwakilan mengikut mana yang kurang, hendaklah memanggil suatu mesyuarat agung perwakilan khas menurut subseksyen 40(1) Akta.

(2) Suruhanjaya atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya menurut subseksyen 40(2) Akta, boleh memanggil pada bila-bila masa suatu mesyuarat agung perwakilan khas, mengikut cara, masa dan tempat yang diarahkannya, dan boleh menentukan perkaraperkara yang hendaklah dibincangkan oleh mesyuarat itu, dan mesyuarat itu hendaklah mempunyai segala kuasa dan tertakluk kepada kaedah yang sama seperti mesyuarat agung perwakilan tahunan yang dipanggil di bawah Akta, Peraturan dan Undang-undang Kecil ini.

Notis mesyuarat agung perwakilan

30. (1) Notis bagi sesuatu mesyuarat agung perwakilan hendaklah diberi kepada perwakilan dan koperasi yang menjadi anggota Co-opbank ini dalam tempoh tidak kurang daripada lima belas hari sebelum diadakan mesyuarat agung perwakilan itu.

(2) Notis hendaklah menentukan tarikh, masa, tempat dan agenda mesyuarat dan bagi mesyuarat agung perwakilan tahunan hendaklah disertakan bersama dokumen berikut dalam bentuk atau format lampiran yang bersesuaian dan munasabah —

- (a) akaun dan kunci kira-kira Co-opbank ini dan subsidiarinya;
- (b) belanjawan bagi tahun kewangan yang akan datang;
- (c) laporan Lembaga;
- (d) laporan Jawatankuasa Audit Dalaman; dan
- (e) dokumen lain yang berkaitan.

(3) Notis penangguhan mesyuarat agung perwakilan tahunan atau mesyuarat agung perwakilan khas yang dipanggil oleh Suruhanjaya mengikutmana-mana yang berkenaan, hendaklah dihantar kepada semua anggota dalam masa tujuh hari dari tarikh yang ditetapkan. Perkara yang dicadangkan untuk dibincangkan pada tarikh yang ditetapkan di mesyuarat agung perwakilan tahunan atau mesyuarat agung perwakilan khas yang ditangguhkan hendaklah dibincangkan di mesyuarat yang diadakan pada tarikh yang lain itu.

(4) Satu salinan notis hendaklah dipamerkan di pejabat Co-opbank ini dan sebagai tambahan boleh juga diterbitkan di dalam mana-mana akhbar tempatan.

(5) Menurut seksyen 41 Akta, Lembaga hendaklah memberi kepada

Suruhanjaya notis bertulis menurut fasal (1) yang mengandungi maklumat berkaitan tarikh, masa, tempat dan agenda mesyuarat agung perwakilan yang akan diadakan oleh Co-opbank dalam tempoh tidak kurang daripada tiga puluh hari sebelum diadakan mesyuarat agung perwakilan itu.

Kuorum mesyuarat agung perwakilan tahunan dan mesyuarat agung perwakilan khas

31. (1) Kuorum bagi sesuatu mesyuarat agung perwakilan tahunan bagi apa-apa maksud selain untuk meminda Undang-undang Kecil Co-opbank adalah seperti yang ditetapkan di bawah perenggan 15(1)(b) Peraturan.

(2) Kuorum bagi mesyuarat agung perwakilan kerana meminda Undang-undang Kecil ini, hendaklah dua pertiga dari jumlah perwakilan, melainkan kuorum terkurang dibenarkan oleh Suruhanjaya menurut perenggan 7(2)(b) Peraturan.

(3) Sesuatu mesyuarat agung perwakilan tahunan yang tidak boleh diteruskan kerana tidak cukup kuorum pada tarikh yang ditetapkan hendaklah, jika dipanggil menurut subseksyen 39(1) Akta, ditangguhkan ke tarikh lain yang tidak kurang daripada empat belas hari tetapi tidak lebih daripada tiga puluh hari dari tarikh yang ditetapkan itu.

(4) Sesuatu mesyuarat agung perwakilan khas yang tidak boleh diteruskan kerana tidak cukup kuorum pada tarikh yang ditetapkan hendaklah—

- (a) jika dipanggil oleh Lembaga, atau atas rekuisisi anggota menurut subseksyen 40(1) Akta, dibatalkan; atau
- (b) jika dipanggil oleh Suruhanjaya menurut subseksyen 40(2) Akta, ditangguhkan ke tarikh lain yang tidak kurang daripada empat belas hari tetapi tidak lebih daripada tiga puluh hari dari tarikh yang ditetapkan itu.

(5) Kuorum bagi mesyuarat agung perwakilan tahunan dan mesyuarat perwakilan khas yang dipanggil oleh Suruhanjaya yang ditangguhkan hendaklah tidak kurang daripada dua kali jumlah anggota Lembaga.

Undi mesyuarat agung perwakilan tahunan dan mesyuarat agung perwakilan khas

32. (1) Semua agenda kecuali yang berkaitan dengan pindaan Undang-undang Kecil hendaklah diputuskan dengan majoriti mudah undi perwakilan yang hadir sebagaimana di dalam daftar kehadiran.

(1A) Hak mengundi dan perwakilan di dalam mesyuarat agung perwakilan tahunan dan mesyuarat agung perwakilan khas adalah seperti berikut –

- (a) Tiap-tiap perwakilan individu hendaklah mempunyai satu undi sahaja;

- (b) Perwakilan koperasi hendaklah mempunyai satu undi sahaja; dan
 - (c) Tiap-tiap anggota Lembaga yang hadir hendaklah mempunyai satu undi sahaja kecuali anggota Lembaga yang dilantik menurut subsubperenggan 69(1)(iv)(B) Akta.
- (2) Jika undi sama banyak, maka usul yang diundi itu hendaklah ditolak.
- (3) Perwakilan yang menghadiri mesyuarat agung tetapi tidak mengundi dianggap berkecuali serta tidak diambilkira dalam pengiraan undi bagi membuat sesuatu keputusan.
- (4) Semua keputusan yang dibuat di mesyuarat agung perwakilan tahunan atau mesyuarat agung perwakilan khas yang ditunda hendaklah melalui undian dua pertiga daripada bilangan perwakilan yang menghadiri mesyuarat itu.
- (5) Pengurus mesyuarat tidak mempunyai undi pemutus.

Fungsi mesyuarat agung perwakilan tahunan dan mesyuarat agung perwakilan khas

33. (1) Fungsi mesyuarat agung perwakilan tahunan hendaklah termasuk yang berikut:
- (a) mengesahkan minit mesyuarat agung perwakilan tahunan yang terdahulu dan mana-mana mesyuarat agung perwakilan khas yang berselang;
 - (b) melantik jawatankuasa yang terdiri daripada enam perwakilan dan empat anggota Lembaga, untuk menentusahkan draf minit mesyuarat agung perwakilan tahunan;
 - (c) melantik anggota Lembaga;
 - (d) membentangkan laporan Lembaga, Penyata Tadbir Urus Korporat dan Jawatankuasa Audit Dalaman;
 - (e) menimbang dan meluluskan akaun teraudit Co-opbank dan subsidiarinya, jika ada, termasuk laporan Lembaga di bawah perenggan 59(1)(c) Akta dan laporan juruaudit, dan pengagihan untung bersih teraudit, jika ada, dan pandangan Suruhanjaya mengenai akaun teraudit;
 - (f) menimbang dan meluluskan belanjawan tahunan koperasi bagi tahun kewangan yang berikutnya;
 - (g) membentangkan suatu laporan berkenaan dengan penerimaan deposit dan pembiayaan daripada anggota dan bukan anggota;
 - (h) meluluskan elauan yang akan diberikan kepada anggota

Lembaga dan saraan yang akan dibayar kepada mana-mana anggota Lembaga yang dilantik sebagai pengarah subsidiari Co-opbank, jika ada;

- (i) meluluskan pelantikan satu panel yang tidak kurang daripada dua buah firma juruaudit, yang merupakan juruaudit yang diluluskan oleh Suruhanjaya atau pegawai Suruhanjaya, untuk mengaudit akaun Co-opbank;
- (j) menimbang dan meluluskan cadangan penubuhan subsidiari;
- (k) menimbang dan meluluskan ruang lingkup dan had pelaburan kumpulan wang lebihan Co-opbank mengikut seksyen 54 Akta;
- (l) menimbang dan meluluskan apa-apa cadangan pelupusan harta tak alih dan ekuiti dalam subsidiari;
- (m) menimbang dan meluluskan surat cara skim simpanan, deposit atau pembiayaan, jika ada;
- (n) menentukan had maksimum keterhutangan koperasi;
- (o) mengisyihar atau mengeluarkan syer bonus, jika ada;
- (p) mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa cadangan atau hal urusan lain Co-opbank yang baginya suatu notis tidak kurang daripada tujuh hari sebelum mesyuarat dipanggil telah diberikan kepada koperasi;
- (q) menimbang dan meluluskan apa-apa cadangan pindaan kepada Undang-undang Kecil Co-opbank;
- (r) mendengar dan memutuskan apa-apa aduan, yang dibawa oleh mana-mana anggota Co-opbank yang terkilan dengan keputusan Lembaga, yang baginya suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh hari sebelum mesyuarat dipanggil telah diberikan kepada koperasi; dan
- (s) menimbang dan meluluskan mana-mana laporan yang dikehendaki supaya dikemukakan mengikut Peraturan, jika ada.

(2) Walau apa pun fasal (1), fungsi yang dinyatakan dalam perenggan (b), (h), (i), (j), (k), (l), (m), (n), (o), (p), (q), (r) dan (s) boleh diputuskan dalam mesyuarat agung perwakilan khas yang dipanggil di bawah subseksyen 40(1) Akta.

(3) Walau apa pun fasal (1), fungsi yang dinyatakan dalam fasal itu boleh diputuskan dalam mesyuarat agung perwakilan khas yang diadakan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen 40(2) Akta.

Pengerusi mesyuarat agung perwakilan tahunan dan mesyuarat agung perwakilan khas

34. (1) Pengerusi Co-opbank atau sekiranya dia tidak hadir, seorang anggota

Lembaga yang lain diberi kuasa di kalangan anggota-anggota Lembaga yang hadir untuk mempengerusikan mesyuarat agung perwakilan tahunan dan mesyuarat agung perwakilan khas.

(2) Walau apa pun fasal (1) mesyuarat agung perwakilan khas yang dipanggil oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen 40(2) Akta boleh dipengerusikan oleh mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya.

Minit mesyuarat agung perwakilan

35. Minit mesyuarat agung hendaklah —

- (a) disediakan dalam tempoh empat belas hari;
- (b) ditentusahkan oleh jawatankuasa yang dilantik menurut perenggan (b) fasal (1) Undang-undang Kecil 33; dan
- (c) diserahkan kepada Suruhanjaya dalam tempoh tiga puluh hari selepas tarikh mesyuarat agung perwakilan.

Lembaga Co-opbank

36. Lembaga Co-opbank hendaklah mengandungi **sembilan** orang yang dilantik pada mesyuarat agung perwakilan tahunan sebagaimana berikut:

- (a) **enam** orang perwakilan dipilih dalam mesyuarat agung perwakilan tahunan; dan
- (b) **tiga** orang anggota atau perwakilan yang dinamakan oleh Suruhanjaya.

Saraan

37. (1) Pengurus dan anggota Lembaga lain boleh dibayar elauan dan ganjaran seumpamanya sebagaimana yang diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan tahunan tertakluk kepada persetujuan Suruhanjaya.

(2) Jika Suruhanjaya tidak bersetuju dengan keputusan mesyuarat agung perwakilan tahunan, Suruhanjaya boleh menentukan apa-apa amaun lain yang munasabah.

Kelayakan menjadi anggota Lembaga

38. (1) Dalam menentukan sama ada seseorang anggota layak dan sesuai untuk dilantik sebagai anggota Lembaga, kriteria yang berikut hendaklah diambil kira:

- (a) ketekunan, kewibawaan dan kewajaran keputusannya;
- (b) reputasi, perwatakan, integriti dan kejujurannya; dan
- (c) mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya dalam salah satu bidang berikut:
 - (i) perakaunan;
 - (ii) perundangan;

- (iii) pentadbiran perniagaan dan pemasaran;
- (iv) perbankan; atau
- (v) pengurusan pelaburan dan kewangan.

(2) Tiada seorang perwakilan pun layak menjadi anggota Lembaga atau kekal sebagai seorang anggota Lembaga, jika dia—

- (a) telah disabitkan atas suatu kesalahan menurut Akta;
- (b) telah dipecat sebagai seorang pegawai Co-opbank atau koperasi;
- (c) menjadi anggota Jawatankuasa Audit Dalaman bagi Co-opbank;
- (d) ada percanggahan kepentingan diri dalam mana mana aktiviti yang diusahakan oleh Co-opbank ini;
- (e) mempunyai syer kurang daripada RM5,000.00 (Ringgit: lima ribu) bagi perwakilan yang mewakili anggota individu;
- (f) bagi anggota individu, belum genap tempoh dua tahun menjadi anggota Co-opbank yang telah didaftarkan melebihi dua tahun; atau
- (g) mewakili sesuatu anggota yang belum genap tempoh dua tahun menjadi anggota Co-opbank.

(3) Perwakilan yang mewakili koperasi yang menjadi anggota Co-opbank layak dipilih sebagai anggota Lembaga sekiranya koperasi yang diwakili mempunyai syer tidak kurang daripada RM10,000.00 (Ringgit: sepuluh ribu).

(4) Walau apa pun fasal (1) dan (2), tertakluk kepada arahan dan garis panduan sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya, Co-opbank hendaklah sebelum pelantikan atau pelantikan semula mana-mana anggota Lembaga, mendapatkan penentusahan terlebih dahulu daripada Suruhanjaya.

(5) Seorang penama yang diterima menjadi anggota yang belum genap tempoh dua tahun dari tarikh diterima menjadi anggota tidak layak untuk dipilih menjadi anggota Lembaga.

Tempoh memegang jawatan anggota Lembaga

39. (1) Sekurang-kurangnya satu pertiga daripada anggota Lembaga menurut perenggan (a) Undang-undang Kecil 36 hendaklah mengosongkan jawatan secara bergilir-gilir pada tiap-tiap mesyuarat agung perwakilan tahunan.

(2) Kesemua anggota Lembaga menurut perenggan (b) Undang-undang Kecil 36 hendaklah mengosongkan jawatan pada tiap-tiap mesyuarat agung perwakilan tahunan dan boleh dilantik semula.

(3) Pelantikan seseorang anggota Lembaga yang dibuat menurut subsubperenggan 69(1)(iv)(B) Akta tidak tertakluk kepada fasal (2).

(4) Kekosongan jawatan anggota Lembaga menurut perenggan (a) Undang-undang Kecil 36 hendaklah dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh kekosongan itu diisi oleh Lembaga dengan melantik mana-mana anggota yang berkelayakan dan perkhidmatannya hendaklah tamat sehingga mesyuarat agung perwakilan tahunan akan datang.

(5) Kekosongan jawatan Anggota Lembaga menurut perenggan (b) Undang-undang Kecil 36 hendaklah diisi oleh Suruhanjaya dan perkhidmatannya hendaklah tamat sehingga mesyuarat agung perwakilan tahunan akan datang.

Pelucutan jawatan anggota Lembaga

40. Seseorang anggota Lembaga akan lucut jawatannya dengan serta-merta jika dia—

- (a) disabitkan atas kesalahan boleh daftar atau kesalahan menurut Akta atau Peraturan;
- (b) telah terbukti terhadapnya, atau telah disabitkan atas suatu pertuduhan berkenaan dengan kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
- (c) menerima apa-apa pelantikan tetap yang bergaji dalam Co-opbank;
- (d) gagal menghadiri sekurang-kurangnya tujuh puluh lima peratus daripada bilangan mesyuarat Lembaga yang diadakan dalam setiap tahun kewangan;
- (e) hilang kelayakan sebagai anggota, menurut Undang-undang Kecil 20;
- (f) tidak lagi dilantik sebagai perwakilan oleh koperasi yang diwakili;
- (g) koperasi yang diwakilinya terhenti daripada menjadi anggota Co-opbank; atau
- (h) menjadi tidak sempurna akal atau menjadi tidak berupaya untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya.

Penamatan pelantikan anggota Lembaga

41. (1) Walau apa pun peruntukan fasal (2) Undang-undang Kecil 39, mesyuarat agung perwakilan tahunan mempunyai kuasa menurut subperaturan 18(5) Peraturan—

- (a) untuk menamatkan pelantikan mana-mana atau kesemua anggota Lembaga menurut perenggan (a) Undang-undang Kecil 36; dan
- (b) memilih gantinya;

dengan syarat bahawa cadangan bertulis bagi penamatan pelantikan anggota Lembaga itu hendaklah disampaikan kepada Co-opbank dalam tempoh sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum mesyuarat agung tahunan itu dipanggil.

(2) Keputusan untuk menamatkan pelantikan seseorang atau kesemua anggota Lembaga hanya boleh dibuat selepas mesyuarat agung perwakilan itu mendengar penjelasan anggota Lembaga yang terlibat.

(3) Anggota Lembaga yang ditamatkan pelantikannya menurut Undang-undang Kecil ini tidak boleh dilantik semula sehingga mesyuarat agung perwakilan tahunan yang akan datang.

Penggantungan dan penamatan anggota Lembaga

42. (1) Lembaga boleh menggantung mana-mana anggota Lembaga jika majoriti anggota Lembaga berpuas hati bahawa anggota Lembaga itu telah bertindak dengan cara berikut:-

- (a) melakukan apa-apa perkara yang memudaratkan kepentingan Co-opbank, menurut subperaturan 21(1) Peraturan; atau
- (b) melakukan apa-apa perkara yang boleh disabit kesalahan dibawah Akta ini atau mana-mana Undang-undang bertulis.

(2) Tiada seseorang anggota Lembaga boleh digantung melainkan jika dia telah diberikan peluang untuk didengar di mesyuarat Lembaga.

(3) Mana-mana anggota Lembaga yang digantung di bawah fasal (1) hendaklah, mulai dari tarikh penggantungan itu, berhenti menjalankan segala hak, kewajipan dan tanggungjawab sebagai anggota Lembaga Co-opbank, dan dia tidak berhak untuk menerima apa-apa elaun selama tempoh penggantungan itu.

(4) Mana-mana anggota Lembaga yang digantung di bawah fasal (1) bagi anggota Lembaga yang dilantik di bawah Undang-undang Kecil 36 (b) boleh ditamatkan dan penamatannya hendaklah memperoleh persetujuan Suruhanjaya terlebih dahulu.

(5) Mana-mana anggota Lembaga yang digantung, penamatannya hendaklah disahkan melalui pengesahan majoriti anggota yang diberikan di mesyuarat agung perwakilan terawal yang diadakan selepas penggantungan itu dan penamatan anggota Lembaga yang digantung hendaklah berkuat kuasa dari tarikh penggantungannya.

(6) Jika penamatan mana-mana anggota Lembaga di bawah fasal (1) tidak disahkan oleh mesyuarat agung perwakilan, Co-opbank hendaklah

mengekalkan jawatan anggota itu dan apa-apa elau yang sepatutnya kena dibayar kepada anggota itu selama tempoh penggantungannya hendaklah dibayar kepadanya dengan serta-merta.

Penggantungan pegawai Co-opbank

43. (1) Menurut subseksyen 47(1) Akta, Lembaga hendaklah menggantung seseorang pegawai yang dikenakan tindakan prosiding berkenaan dengan sesuatu kesalahan boleh daftar atau sesuatu kesalahan di bawah Akta sama ada yang melibatkan Co-opbank ini atau mana-mana koperasi lain.

(2) Pegawai yang digantung hendaklah berhenti menggunakan apa-apa hak atau melaksanakan apa-apa fungsi atau tugas berkenaan dengan jawatan itu dan dia tidak boleh menerima apa-apa saraan berkenaan dengan jawatan itu mulai tarikh prosiding dimulakan terhadapnya sehingga selesai dengan muktamadnya prosiding itu termasuk prosiding rayuan.

(3) Jika pegawai yang digantung itu dibebaskan, dia hendaklah dibayar apa-apa saraan yang sepatutnya kena dibayar kepadanya dalam tempoh penggantungan itu.

Peletakan jawatan anggota Lembaga

44. (1) Seseorang anggota Lembaga boleh mengosongkan jawatannya dengan memberikan notis bertulis yang ditujukan kepada Lembaga empat belas hari sebelum tarikh peletakan jawatan yang diniatkan itu.

(2) Keputusan menerima atau menolak pemohonan meletakkan jawatan hendaklah dibuat oleh Lembaga dalam mesyuarat Lembaga terawal selepas penerimaan notis itu dan bagi anggota Lembaga yang dilantik dibawah Undang-undang Kecil 36(b) hendaklah memperoleh kelulusan Suruhanjaya terlebih dahulu.

(3) Kekosongan jawatan anggota Lembaga hendaklah dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh kekosongan itu diisi oleh Lembaga dengan melantik mana-mana anggota yang berkelayakan.

Mesyuarat Lembaga

45. (1) Mesyuarat Lembaga pertama hendaklah—

- (a) diadakan sebaik sahaja selesai mesyuarat agung perwakilan tahunan;
- (b) melantik di kalangan anggota Lembaga seorang pengurus dan timbalan pengurus; dan
- (c) (*Dimansuhkan*).

(2) Walau apa pun perenggan (b) fasal (1), Pengurus hendaklah dilantik oleh Lembaga daripada kalangan mereka dengan kelulusan Suruhanjaya.

(3) Mesyuarat Lembaga yang berikutnya hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam setiap dua bulan.

- (4) Mesyuarat Lembaga hendaklah juga diadakan sekiranya—
- (a) Suruhanjaya mengeluarkan arahan; atau
 - (b) lima orang anggota Lembaga membuat permintaan bertulis menyatakan perkara-perkara yang hendak dibincangkan.

(4A) Jika sekiranya berlaku perkara yang mustahak dan segera maka perkara itu boleh diselesaikan dengan mengedarkan surat pekeliling kepada anggota Lembaga dan persetujuan majoriti selaras dengan Undang-undang Kecil 47 adalah diperlukan dan persetujuan ini hendaklah dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga untuk makluman.

- (5) Keputusan mesyuarat anggota Lembaga adalah sah walaupun—
- (a) ketidakhadiran mana-mana Lembaga;
 - (b) terdapat kecacatan yang kemudiannya diketahui dalam pelantikan atau kelayakan mana-mana Lembaga atau pembentukan Lembaga;
 - (c) terdapat peninggalan, kecacatan atau salah aturan mesyuarat; atau
 - (d) kehadiran atau penyertaan seseorang yang bukan anggota Lembaga.

(6) Lembaga boleh menjemput mana-mana orang ke mesyuarat untuk memberi nasihat berkenaan dengan apa-apa perkara yang dibincangkan tetapi orang tersebut tidak boleh mengundi.

(7) Semasa ketiadaan pengurus dan timbalan pengurus, seorang daripada anggota Lembaga lain yang hadir hendaklah dipilih untuk mempenguruskan mesyuarat.

Notis mesyuarat Lembaga

46. Notis bagi sesuatu mesyuarat Lembaga hendaklah diberi kepada semua anggota Lembaga dalam tempoh tidak kurang daripada tujuh hari sebelum diadakan mesyuarat itu.

Kuorum mesyuarat Lembaga

47. Kuorum bagi mesyuarat Lembaga hendaklah melebihi satu perdua daripada jumlah anggota Lembaga dimana sekurang kurangnya satu perdua daripada anggota Lembaga yang dilulus oleh Suruhanjaya hendaklah dikira sebagai kuorum tersebut.

Urusan mesyuarat Lembaga

48. Urusan mesyuarat Lembaga hendaklah termasuk yang berikut:

- (a) mengesahkan minit mesyuarat Lembaga terdahulu;
- (b) membincangkan perkara berbangkit;
- (c) membentang dan meluluskan pelan perniagaan;
- (d) menimbang dan memutuskan di mana berkenaan, perkara-perkara berikut:
 - (i) keputusan-keputusan mesyuarat agung perwakilan dan menentukan tindakan-tindakan;
 - (ii) permohonan menjadi anggota dan pemberhentian menjadi anggota;
 - (iii) laporan pembiayaan termasuk permohonan pembiayaan, polisi dan prosedur pembiayaan, kadar pembiayaan tidak berbayar dan Hutang Ragu serta langkah-langkah penambahbaikan atau pemulihan;
 - (iv) Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman, Laporan Jawatankuasa Pengurusan, Laporan Jawatankuasa Pencalonan, Laporan Jawatankuasa Imbuhan, Laporan Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Laporan Jawatankuasa Syariah;
 - (v) memperturunkan kuasa kepada pengurusan dalam penetapan kadar keuntungan produk pembiayaan, deposit dan pelaburan;
 - (vi) memperturunkan kuasa kepada pengurusan dalam penetapan kedudukan dan keperluan kecairan semasa;
 - (vii) memantau, menilai dan menganalisa pencapaian pengurusan kanan, kedudukan kewangan semasa Co-opbank dan pelan strategik perniagaan;
 - (viii) pembayaran bonus tahunan, kenaikan gaji tahunan, kajian semula saraan pengurusan kanan dan kakitangan;
 - (ix) permohonan pembiayaan Islam dan kemudahan kredit daripada anggota;
 - (x) permohonan menambah atau mengurangkan ansuran pembiayaan;
 - (xi) permohonan menambah atau mengurangkan caruman syer; dan
 - (xii) hal-hal berkaitan program Pendidikan anggota;
 - (xiii) permohonan menambah atau mengurangkan ansuran pembiayaan;
 - (xiv) melaksanakan '*tanazul*' bagi pihak pemegang saham keutamaan dan pemegang syer di bawah Undang-undang Kecil 13A dalam pembahagian keuntungan; dan

- (xv) pembayaran zakat perniagaan Co-opbank.
- (e) membentang dan meluluskan kedudukan kewangan bulanan serta memantau belanjawan tahunan;
- (f) mengkaji, membincang dan memutuskan cadangan projek Co-opbank;
- (g) memperturunkan kuasa kepada pihak pengurusan dalam urusan pentadbiran mengikut dasar dan polisi yang telah ditetapkan.
- (h) melantik Jawatankuasa Audit Dalaman di kalangan anggota menurut Undang-undang Kecil 55; dan
- (i) menjalankan apa-apa urusan lain dengan memberi notis yang munasabah.

Undi anggota Lembaga

49. (1) Semua usul dan cadangan hendaklah diputuskan dengan majoriti mudah undi anggota Lembaga yang hadir.

(2) Jika bilangan undi sama banyak, maka usul atau cadangan yang diundi itu hendaklah ditolak. Anggota Lembaga yang berkecuali dianggap tidak menyokong usul itu.

(3) Seseorang anggota Lembaga yang ada percanggahan kepentingan dalam perkara yang akan dipertimbangkan oleh mesyuarat hendaklah mengisyiharkan sepenuhnya kepada Lembaga mengenai penglibatan atau percanggahan kepentingannya dalam perkara itu dan tidak mengundi atau terlibat dalam perbincangan mengenai perkara itu.

Minit mesyuarat Lembaga

50. (1) Minit mesyuarat Lembaga hendaklah —

- (a) disediakan serta ditandatangan oleh pegawai Co-opbank yang dipertanggungjawabkan; dan
- (b) diedarkan kepada anggota Lembaga.
- (c) *(Dimansuhkan).*

(1A) Tiap-tiap minit hendaklah ditandatangan oleh pengerusi mesyuarat berkenaan.

(2) Mesyuarat berikutnya hendaklah mengesahkan minit tersebut.

Fungsi, kuasa dan kewajipan Lembaga

51. (1) Lembaga bertanggungjawab memastikan pentadbiran dan pengurusan Co-opbank dikendalikan dengan teratur, menurut subseksyen 44(1) Akta.

(1A) Tertakluk kepada Akta, perniagaan dan hal ehwal Co-opbank hendaklah diuruskan di bawah arahan dan pengawasan Lembaga dan mana-mana Undang-undang bertulis lain.

(1B) Tanpa mengehadkan keluasan fasil (1), fungsi Lembaga adalah—

- (a) menetapkan dan mengawasi pelaksanaan objektif dan strategi perniagaan dan risiko dan dalam melakukan hal sedemikian hendaklah mengambil kira daya maju jangka panjang Co-opbank dan standard urus niaga adil yang munasabah;
- (b) memastikan dan mengawasi reka bentuk berkesan dan pelaksanaan kawalan dalaman yang kukuh, pematuhan dan sistem pengurusan risiko setara dengan jenis, skala dan kerumitan perniagaan dan struktur Co-opbank;
- (c) mengawasi pelaksanaan pengurusan kanan dalam menguruskan perniagaan dan hal ehwal Co-opbank;
- (d) memastikan bahawa terdapat suatu proses pelaporan kewangan yang boleh dipercayai dan telus dalam Co-opbank;
- (e) menggalakkan komunikasi yang tepat pada masanya dan berkesan antara Co-opbank dan Suruhanjaya mengenai perkara yang menjelaskan atau yang boleh menjelaskan keselamatan dan kekuahan Co-opbank; dan
- (f) mengambil kira apa-apa keputusan jawatankuasa Syariah atas apa-apa isu Syariah yang berhubungan dengan penjalanan perniagaan, hal ehwal atau aktiviti Co-opbank.

(1C) Anggota Lembaga hendaklah pada setiap masa—

- (a) bertindak dengan suci hati demi kepentingan terbaik Co-opbank;
- (b) melaksanakan jagaan, kemahiran dan ketekunan yang munasabah dengan—
 - (i) pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang semunasabahnya dijangka daripada Anggota Lembaga yang mempunyai tanggungjawab yang sama; dan
 - (ii) apa-apa pengetahuan, kemahiran dan pengalaman tambahan Anggota Lembaga;
- (c) hanya melaksanakan kuasa yang diberikan kepadanya bagi maksud kuasa itu diberikan;
- (d) melaksanakan pertimbangan waras dan bebas; dan

- (e) mematuhi apa-apa standard yang ditentukan oleh Suruhanjaya.
- (2) Bagi melaksanakan fungsi menurut fasal (1), Lembaga hendaklah mempunyai kuasa dan kewajipan yang berikut:
- (a) melantik seorang pengurus dan seorang timbalan pengurus, dalam kalangan anggotanya di dalam mesyuarat Lembaga yang diadakan menurut perenggan (b) fasal (1) Undang-undang Kecil 45;
 - (b) mengemukakan suatu senarai anggota Lembaga yang mengandungi butir-butir berikut:
 - (i) nama;
 - (ii) alamat kediaman;
 - (iii) nombor kad pengenalan;
 - (iv) tarikh keanggotaan;
 - (v) pekerjaan; dan
 - (vi) jawatan dalam Co-opbank,dalam tempoh lima belas hari selepas mesyuarat agung perwakilan tahunannya kepada Suruhanjaya menurut perenggan 14(1)(a) Akta. Apa-apa perubahan tentang butir-butir berkenaan hendaklah dimaklumkan kepada Suruhanjaya secara bertulis dalam tempoh lima belas hari dari tarikh berlakunya perubahan tersebut;
 - (c) menimbang dan menerima permohonan keanggotaan;
 - (d) meluluskan dan mengesahkan pemindahan dan penebusan syer anggota;
 - (e) melantik, mengambil khidmat, menentukan terma dan syarat perkhidmatan termasuk bayaran gaji dan lain-lain kemudahan bagi:
 - (i) Ketua Pegawai Eksekutif dengan kelulusan Suruhanjaya;
 - (ii) Ketua Pegawai Kewangan dengan kelulusan Suruhanjaya;
 - (iii) Ketua Pegawai Operasi; dan
 - (iv) Setiausaha Co-opbank;
 - (f) menjalankan kawalan am dan disiplin serta mengenakan hukuman disiplin ke atas Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Kewangan, Ketua Pegawai Operasi dan Setiausaha Co-opbank;
 - (g) menyenggara akaun bagi:
 - (i) wang yang diterima dan yang dibelanjakan atas nama Co-opbank; dan
 - (ii) harta dan liabiliti Co-opbank, dengan benar dan betul;
 - (h) membenarkan perbelanjaan, menyemak dan mengawasi

- semua akaun, buku, rekod serta dokumen Co-opbank yang disenggara, diuruskan dengan sempurna dan kemaskini;
- (i) membentangkan kepada mesyuarat agung perwakilan tahunan—
- (i) minit mesyuarat agung perwakilan tahunan yang terdahulu dan mana-mana mesyuarat agung perwakilan khas yang berselang;
 - (ii) laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman;
 - (iii) akaun teraudit Co-opbank dan subsidiarinya, jika ada, termasuk laporan Lembaga di bawah perenggan 59(1)(c) Akta, laporan juruaudit dan pengagihan untung bersih teraudit, jika ada;
 - (iv) belanjawan tahunan Co-opbank bagi tahun kewangan yang berikutnya;
 - (v) cadangan elaun kepada anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman;
 - (vi) surat cara skim simpanan, deposit atau pembiayaan, jika ada; dan
 - (vii) cadangan saraan kepada anggota Lembaga yang dilantik sebagai pengarah bagi subsidiari Co-opbank, jika ada;
- (j) membuat perakuan pembahagian keuntungan bersih dan pengisytiharan syer bonus subsidiari Co-opbank, jika ada kepada mesyuarat agung perwakilan tahunan;
- (k) mengambil tindakan sewajarnya ke atas semua arahan Suruhanjaya atau wakilnya;
- (l) memenuhi jawatan kosong yang berlaku di dalam Lembaga, menggantung keanggotaan anggota dan anggota Lembaga serta memecat keanggotaan menurut fasal (2) Undang-undang Kecil 21 dan melucutkan jawatan anggota Lembaga;
- (m) memanggil mesyuarat agung perwakilan menurut Undang-undang Kecil;
- (n) membuat perjanjian bagi mendapatkan pembiayaan tertakluk kepada kelulusan mesyuarat agung perwakilan;
- (o) (*Dimansuhkan*).
- (p) mengarahkan Jawatankuasa Audit Dalaman supaya memeriksa buku rekod dan dokumen Co-opbank pada bila-bila masa dan melaporkan kepada Lembaga;
- (q) bertindak atas nama dan bagi pihak Co-opbank atau melantik seseorang wakil bagi menyelesaikan segala pertikaian Co-opbank atau menjalankan dan memberhentikan mana-mana tindakan mahkamah;
- (r) melabur wang berlebihan menurut keputusan mesyuarat

- agung perwakilan dan tertakluk kepada peruntukan Akta dan Peraturan;
- (s) mengkaji dan merancang projek yang memberi manfaat kepada anggota dan Co-opbank dengan melaksanakan projek mengikut keputusan mesyuarat agung perwakilan;
 - (t) melaksanakan projek dan memberi peluang kepada anggota untuk-
 - (i) mengambil bahagian dalam pelaksanaan projek; atau
 - (ii) menyumbangkan modal tambahan atau simpanan khas sebagaimana yang dipersetujui;
 - (u) memasuki perjanjian bagi pihak Co-opbank dan dimeterai dengan mohor Co-opbank serta ditandatangan oleh pengurus, atau orang lain yang diberi kuasa oleh Lembaga;
 - (v) melantik wakil di kalangan anggotanya untuk menghadiri mesyuarat mana-mana koperasi yang dianggotainya;
 - (w) menubuhkan jawatankuasa sepertimana kehendak garis panduan dan lain-lain jawatankuasa, jika perlu, bagi menjalankan aktiviti Co-opbank dengan terma dan syarat yang ditentukan oleh Lembaga dan mewakilkan kuasa kepadanya dari semasa ke semasa mengikut keputusan Lembaga. Majoriti anggota Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Imbuhan, dan Pencalonan hendaklah terdiri daripada anggota Lembaga di bawah perenggan (b) Undang-undang Kecil 36;
 - (x) membuat aturan dari semasa ke semasa bagi:-
 - (i) aktiviti perniagaan Co-opbank tertakluk kepada Undang-undang Kecil 9(3)(b), dan dimaklumkan dalam mesyuarat agung perwakilan tahunan;
 - (ii) aktiviti yang sesuai tertakluk kepada Undang-undang Kecil 33 dengan kelulusan mesyuarat agung perwakilan tahunan; dan
 - (iii) cara mengendalikan kumpulan wang yang diwujudkan di bawah perenggan (i) fasal (1) Undang-undang Kecil 60, dengan kelulusan mesyuarat agung perwakilan.
 - (y) mengawasi kecekapan, tata tertib dan daya usaha Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Kewangan, Setiausaha Co-opbank dan pekerja Co-opbank dalam menunaikan tugas dan tanggungjawab mereka;
 - (z) memastikan kerahsiaan maklumat perniagaan Co-opbank dan anggotanya terpelihara; dan
 - (za) melaksanakan tugas lain sebagaimana yang ditentukan oleh Akta, Peraturan, perintah, garis panduan, arahan Suruhanjaya, Undang-undang Kecil dan mesyuarat agung perwakilan dari semasa ke semasa.

(3) Seseorang anggota Lembaga yang memegang suatu jawatan atau memiliki sesuatu harta atau kepentingannya berkaitan perniagaan dengan Co-opbank yang, sama ada secara langsung atau tidak langsung, suatu kewajipan atau suatu kepentingan yang mungkin wujud, yang bercanggah dengan kewajipan atau kepentingannya sebagai anggota Lembaga Co-opbank ini hendaklah mengisyiharkan di dalam mesyuarat Lembaga pertama yang diadakan selepas:

- (a) pelantikannya, atau
- (b) dia memiliki harta atau perniagaan tersebut, mengenai hakikat jenis dan takat percanggahan yang mungkin berbangkit.

Liabiliti anggota Lembaga

52. Lembaga hendaklah berhemat dan bertekun seperti ahli perniagaan yang biasa dan hendaklah bertanggungan secara bersesama dan berasingan bagi apa-apa kerugian yang ditanggung oleh Co-opbank atas sebab kegagalan mereka berhemat dan bertekun sedemikian atau oleh sebab apa-apa perbuatan yang bertentangan dengan peruntukan Akta, Peraturan, perintah, garis panduan atau Undang-undang Kecil ini serta aturan aktiviti yang dibuat di bawahnya atau arahan mesyuarat agung perwakilannya.

Tugas pengerusi dan timbalan pengerusi

53. (1) Pengerusi hendaklah menjalankan tugas seperti berikut:

- (a) mempengerusikan semua mesyuarat Lembaga;
- (b) mengawasi segala wang, harta dan perniagaan Co-opbank dikendalikan mengikut dasar yang ditetapkan oleh Lembaga;
- (c) menandatangan minit mesyuarat;
- (d) memperakui cabutan dan salinan dari rekod Co-opbank menurut Peraturan, bersama pegawai Co-opbank yang dipertanggungjawabkan melalui satu akuan yang bertarikh dan ditandatangani;
- (e) memanggil sendiri atau melalui Setiausaha Co-opbank, mesyuarat Lembaga bila perlu;
- (f) (*Dimansuhkan*).
- (g) menandatangi permohonan pendaftaran kepada pindaan Undang-undang Kecil dan dokumen lain yang berkaitan bersama dua anggota Lembaga; dan
- (h) menyelia secara am pentadbiran, hal-ehwal dan pekerja Co-opbank.

(2) Tugas pengerusi menurut perenggan (a) dan (b) fasal (1) boleh diamanahkan kepada mana-mana anggota Lembaga, jika perlu.

(3) Timbalan pengerusi hendaklah menjalankan tugas pengerusi semasa ketiadaan pengerusi dan menjalankan tugas yang ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Kewangan, Setiausaha Co-opbank dan Pekerja Co-opbank

54. (1) Lembaga boleh menentukan dari semasa ke semasa tugas dan tanggungjawab Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Kewangan, Setiausaha Co-opbank dan pekerja Co-opbank.

(2) Tugas Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Kewangan dan Setiausaha Co-opbank boleh diwakilkan oleh mereka kepada mana-mana pekerja tertakluk kepada polisi dalaman Co-opbank.

(3) Di dalam semua perkara pengurusan perkhidmatan perbankan termasuk kebajikan, disiplin, penilaian dan prestasi pekerja Co-opbank termasuk Ketua Pegawai Kewangan dan Setiausaha Co-opbank adalah tanggungjawab Ketua Pegawai Eksekutif yang berkewajipan mengawal, menasihati dan menyelaras faktor pengurusan perbankan untuk menjamin matlamat, fungsi dan aktiviti perbankan berjalan sempurna.

Jawatankuasa Audit Dalaman

55. Jawatankuasa Audit Dalaman Co-opbank hendaklah mengandungi tiga orang, terdiri daripada anggota yang dilantik dengan sewajarnya oleh Lembaga menurut perenggan (h) Undang-undang Kecil 48.

Kelayakan menjadi Jawatankuasa Audit Dalaman

56. Tiada seorang pun layak menjadi Jawatankuasa Audit Dalaman atau kekal sebagai seorang Jawatankuasa Audit Dalaman jika dia—

- (a) telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta;
- (b) telah ditamatkan sebagai seorang pegawai sesuatu Koperasi;
- (c) menjadi anggota Lembaga Co-opbank ini;
- (d) mempunyai apa-apa hutang tertunggak yang melebihi enam bulan kepada mana-mana koperasi atau institusi perbankan;
- (e) menerima apa-apa pelantikan tetap yang bergaji dalam Co-opbank ini; atau
- (f) tidak mempunyai Sijil Profesional atau pengalaman berkaitan atau ahli berdaftar badan-badan yang diiktiraf.

Tempoh memegang jawatan Jawatankuasa Audit Dalaman

57. (1) Tempoh jawatan setiap anggota Jawatankuasa Audit Dalaman ialah satu tahun dan boleh dilanjutkan oleh Lembaga pada setiap tahun.

(2) Apa-apa kekosongan dalam Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah diisikan oleh Lembaga dalam masa tiga puluh hari dari tarikh kekosongan itu dengan melantik mana-mana anggota yang layak.

Penamatian Jawatankuasa Audit Dalaman

58. Seseorang atau kesemua Jawatankuasa Audit Dalaman boleh ditamatkan jawatannya oleh Lembaga jika dia —

- (a) gagal berfungsi menurut fasil (2), perenggan (b) dan (c) fasil (4) Undang-undang Kecil 59;
- (b) gagal memastikan kerahsiaan maklumat perniagaan dan anggota Co-opbank;
- (c) menggunakan maklumat Co-opbank untuk kepentingan peribadi; atau
- (d) melakukan perkara yang memudarangkan kepentingan Co-opbank.

Kuasa dan kewajipan Jawatankuasa Audit Dalaman

59. (1) Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah mempunyai kuasa —

- (a) memeriksa segala rekod perakaunan dan rekod lain yang berhubungan secara langsung atau tidak langsung dengan Co-opbank dan subsidiarinya, jika ada;
- (b) memanggil mana-mana orang yang dikehendaknya supaya mengemukakan atau menyerahkan apa-apa maklumat atau buku, akaun dan dokumen yang berkaitan,

bagi memastikan hal-ehwal dan perniagaan Co-opbank dijalankan mengikut matlamat penubuhan, Akta, Peraturan, garis panduan, Undang-undang Kecil, mana-mana Undang-undang bertulis lain dan keputusan mesyuarat agung perwakilan serta mesyuarat Lembaga.

(2) Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah menjalankan tugas seperti berikut:

- (a) memastikan adanya kuasa dan kesahan bagi segala perbelanjaan;
- (b) memeriksa akaun Co-opbank pada lat-lat masa yang tetap dan tidak boleh kurang daripada sekali dalam tempoh tigabulan;
- (c) memberitahu Lembaga apa-apa ketakselarasan yang berlaku dalam pengurusan Co-opbank dengan serta-merta; dan

(d) mengemukakan kepada Lembaga laporan mengenai pengurusan dan hal-ehwal Co-opbank termasuk pelanggaran terhadap Akta, Peraturan atau Undang-undang Kecil.

(3) Jawatankuasa Audit Dalaman, tertakluk kepada kelulusan Lembaga dibayar upah, tetapi amanah upah itu tidak boleh melebihi jumlah wang ditetapkan oleh mesyuarat agung perwakilan.

(4) Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah —

- (a) melantik di kalangan mereka seorang ketua;
- (b) bermesyuarat tidak kurang daripada empat kali setahun; dan
- (c) mengemukakan laporan bertulis kepada Lembaga dan Suruhanjaya sekurang-kurangnya dua kali setahun.

Tadbir Urus Syariah

59A. (1) Lembaga hendaklah memastikan kewujudan dan pelaksanaan rangka kerja atau polisi tadbir urus Syariah yang berkesan dan menubuhkan Jawatankuasa Syariah bagi maksud menasihati Co-opbank dalam memastikan bahawa perniagaannya, hal ehwalnya dan aktivitinya mematuhi prinsip-prinsip Syariah berdasarkan kepada garis panduan dan aturan yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(2) Pematuhan Syariah oleh Co-opbank hendaklah menjadi satu keutamaan dalam menjalankan operasi perniagaan dan jika berlaku ketidakpatuhan Syariah, langkah pematuhan hendaklah dilaksanakan oleh pengurusan Co-opbank berdasarkan kepada garis panduan dan aturan yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(3) Apa-apa konflik yang berlaku dalam melaksanakan pematuhan Syariah terhadap perniagaan dan operasi Co-opbank hendaklah diselesaikan dengan berpandukan kepada dasar-dasar Syariah yang dirujuk kepada sumber perundangan hukum syarak dan maqasid syariah serta rujukan kepada resolusi Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia. Apa-apa konflik mengenai perkara syariah yang tidak berjaya diselesaikan, Jawatankuasa Syariah boleh memberi nasihat kepada Lembaga untuk merujuk kepada Suruhanjaya sebagai badan pengawalselia.

BAHAGIAN VI

ASET DAN WANG CO-OPBANK

Wang dan kumpulan wang Co-opbank

60. (1) Wang dan kumpulan wang Co-opbank boleh mengandungi—

- (a) fi masuk dan syer anggota;
- (b) simpanan khas daripada anggota
- (c) pembiayaan atau deposit daripada anggota dan dengan

- kelulusan Suruhanjaya bagi bukan anggota;
- (d) Kumpulan Wang Rizab Statutori;
 - (e) Akaun Rizab Modal;
 - (f) Kumpulan Wang Penebusan Syer;
 - (g) derma dan pemberian yang diberikan oleh orang-orang ketiga, kecuali bahawa derma daripada sumber asing, sama ada yang ditawarkan secara langsung atau selainnya, tidak boleh diterima oleh Co-opbank tanpa mendapat kelulusan bertulis Suruhanjaya terlebih dahulu;
 - (h) baki keuntungan terkumpul; dan
 - (i) pelbagai kumpulan wang untuk operasi, kebajikan anggotadan masyarakat tertakluk kepada kelulusan mesyuarat agung perwakilan.

(2) Kumpulan wang Co-opbank selain daripada Kumpulan Wang Rizab Statutori boleh digunakan bagi melaksanakan aktiviti menurut fasal (1) Undang-undang Kecil 9.

(2A) Kegunaan Kumpulan Wang Rizab Statutori hendaklah merujuk kepada Undang-undang Kecil 64 dan 67.

(3) Cara mengendalikan kumpulan wang yang diwujudkan di bawah perenggan (i) fasal (1), Lembaga hendaklah membuat aturan yang diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan dan satu salinan hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya dalam tempoh tiga puluh hari selepas diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan itu.

Modal syer

61. (*Dimansuhkan*).

Simpanan khas, deposit atau pembiayaan

62. (1) Co-opbank boleh menerima daripada anggotanya—
- (a) simpanan khas seperti yang ditetapkan dalam aturan-aturannya dan wang ini boleh dikeluarkan dari semasa ke semasa; atau
 - (b) deposit dan pembiayaan.

(2) Co-opbank boleh menerima pembiayaan daripada bukan anggota Co-opbank, dengan kelulusan Suruhanjaya menurut perenggan 50(e), subseksyen 52(2) Akta dan peraturan.

(3) Co-opbank boleh, dengan kelulusan Suruhanjaya dan Bank Negara Malaysia menerima deposit, simpanan atau pelaburan bukan anggota Co-opbank.

(4) Pada setiap mesyuarat agung perwakilan tahunan, Co-opbank hendaklah—

- (a) memberitahu perwakilannya mengenai pembiayaan daripada anggota menurut subseksyen 52(3) Akta; dan
- (b) menetapkan had maksimum keterhutangan termasuk yang sedia ada dan yang baru akan ditanggung dalam tahun yang akan datang.

Pindahan syer

63. (*Dimansuhkan*).

Penolakan dan sekatan atas pindahan syer

63A. (*Dimansuhkan*).

Bayaran kerana mendaftarkan pindahan syer

63B. (*Dimansuhkan*).

Penyelesaian modal syer

64. (1) Jika pemindahan syer tidak dapat dibuat menurut Undang-undang Kecil 19A, bagi seseorang anggota yang tamat keanggotaannya oleh apa-apa sebab jua pun, maka syernya yang diperihalkan di dalam Undang-undang Kecil itu boleh dikeluarkan menurut fasal (2).

(2) Syer boleh ditebus dari Kumpulan Wang Penebusan Syer dan Kumpulan Wang Rizab Statutori tertakluk kepada Peraturan. Nilai tebusan syer ini hendaklah mengikut sebagaimana yang ditunjukkan dalam akaun teraudit terakhir bagi Co-opbank akan tetapi tidak boleh melebihi nilai asalnya.

(3) Tertakluk kepada fasal (4) Undang-undang Kecil 67, Co-opbank boleh menggunakan Kumpulan Wang Rizab Statutori untuk membuat pembayaran syer yang dikeluarkan oleh anggota tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) mewujudkan dan memindahkan sekurang-kurangnya lima peratus daripada keuntungan bersih tahun semasa setiap tahun ke Kumpulan Wang Penebusan Syer. Sekiranya Kumpulan Wang Penebusan Syer telah mencapai lima puluh peratus daripada jumlah modal syer anggota, maka pindahan kepada Kumpulan Wang Penebusan Syer adalah secara sukarela. Bagi koperasi yang Kumpulan Wang Rizab Statutori melebihi seratus peratus daripada jumlah modal syer pada setiap masa, maka syarat ini tidak terpakai baginya;
- (b) menggunakan Kumpulan Wang Penebusan Syer terlebih dahulu sebelum menggunakan Kumpulan Wang Rizab Statutori untuk membayar balik syer anggota;
- (c) mewakilkan Kumpulan Wang Rizab Statutori sekurang-

- kurangnya dua puluh lima peratus dalam bentuk aset cair atau mudah cair yang selamat dan terjamin; dan
- (d) Co-opbank perlu menghapuskira kerugian terkumpulnya terlebih dahulu.

Keuntungan modal

65. (1) Menurut subseksyen 55(1) Akta, semua keuntungan modal yang diperolehi daripada perkara-perkara berikut hendaklah dikreditkan ke Akaun Rizab Modal—

- (a) penjualan tanah atau bangunan, atau kedua-duanya sebagai aset tetap; dan
- (b) penilaian semula tanah atau bangunan, atau keduaduanya, sebagai aset tetap, dengan kelulusan Suruhanjaya.

(2) Keuntungan modal menurut perenggan (a) fasal (1) boleh, jika diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan, digunakan bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:

- (a) penerbitan syer bonus;
- (b) penghapusan kira kerugian terkumpul;
- (c) penghapusan kira kerugian modal; dan
- (d) pewujudan suatu Kumpulan Wang Penebusan Syer Bonus.

(3) Syer bonus yang diterbitkan daripada keuntungan modal menurut perenggan (b) fasal (1) boleh dengan kelulusan Lembaga —

- (a) dipindahkan kepada anggota lain Co-opbank; atau
- (b) dikeluarkan dalam hal anggota yang meninggal dunia.

(4) Pengeluaran menurut perenggan (b) fasal (3) dibayar daripada Kumpulan Wang Penebusan Syer Bonus Co-opbank.

Penerbitan syer bonus

66. (1) Menurut peruntukan Akta, Co-opbank boleh menerbitkan syer bonus daripada tiga sumber iaitu:

- (a) Akaun Rizab Modal hasil daripada keuntungan jualan aset tetap mengikut perenggan 55(2)(a) Akta;
- (b) Akaun Rizab Modal hasil daripada penilaian semula aset tetap tanah dan bangunan dengan kelulusan Suruhanjaya mengikut subseksyen 55(4) Akta; dan
- (c) Kumpulan Wang Rizab Statutori mengikut perenggan 57(1B)(b) Akta dengan kelulusan Suruhanjaya.

(2) Syer bonus yang diterbitkan di bawah fasal (1) Undang-undang Kecil

66 adalah tertakluk kepada Peraturan dan garis panduan penerbitan syer bonus yang disediakan oleh Suruhanjaya.

(3) Co-opbank boleh menggunakan Kumpulan Wang Rizab Statutori untuk menerbitkan syer bonus kepada anggotanya tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) Kumpulan Wang Rizab Statutori hendaklah melebihi tujuh puluh lima peratus daripada jumlah modal syer pada tarikh permohonan;
- (b) Co-opbank hendaklah memastikan seratus peratus Kumpulan Wang Rizab Statutorinya adalah dalam bentuk aset cair atau mudah cair yang selamat dan terjamin;
- (c) Co-opbank perlu menghapuskira kerugian terkumpulnya terlebih dahulu;
- (d) buku dan rekod perakaunan Co-opbank telah disenggara dengan memuaskan dan kemaskini; dan
- (e) daftar syer bonus hendaklah disenggara oleh Co-opbank.

(4) Co-opbank boleh dengan kelulusan bertulis Suruhanjaya dan dalam mesyuarat agung perwakilan mengisyiharkan dan menerbitkan syer bonus –

- (a) kepada anggota yang namanya terdapat dalam daftar anggota pada tarikh pengisyiharan syer bonus itu; dan
- (b) berdasarkan syer yang dipegang oleh setiap anggota pada dua belas bulan sebelum tarikh pengisyiharan syer bonus itu.

Kumpulan Wang Rizab Statutori

67. (1) Menurut subseksyen 57(1) Akta, Co-opbank ini hendaklah menyenggarakan satu Kumpulan Wang Rizab Statutori.

(2) Co-opbank hendaklah memindahkan suatu jumlah wang ke Kumpulan Wang Rizab Statutori berdasarkan jadual di bawah:

Jumlah Terkumpul Kumpulan Wang Rizab Statutori	Jumlah Pindahan
Kurang daripada 50% daripada syer	Tidak kurang 25% daripada untung bersih teraudit
50% tetapi kurang daripada 100% daripada syer	Tidak kurang 15% daripada untung bersih teraudit

(3) Kumpulan Wang Rizab Statutori tidak boleh dibahagi dan tiada anggota yang berhak untuk menuntut suatu bahagian tertentu daripadanya.

(4) Co-opbank boleh membuat pembayaran balik syer daripada Kumpulan Wang Rizab Statutori, dan pada setiap masa baki dalam kumpulan wang tersebut hendaklah tidak kurang daripada lima belas peratus daripada jumlahsyer Co-opbank berkenaan.

Simpanan khas

68. Menurut perenggan 50(d) Akta, Co-opbank boleh menerima simpanan khas daripada anggota tertakluk kepada terma dan syarat-syarat yang ditetapkan di dalam aturan dan wang ini boleh dikeluarkan dari masa ke semasa.

Pembentangan dan deposit

69. (1) Tertakluk kepada perenggan 50(e) Akta dan Peraturan, Co-opbank boleh menerima deposit atau meminjam wang daripada anggotanya.

(2) Co-opbank boleh meminjam wang daripada bukan anggota Co-opbank dengan kelulusan Suruhanjaya menurut perenggan 50(e), subseksyen 52(2) Akta dan Peraturan.

(3) Co-opbank boleh, dengan kelulusan Suruhanjaya dan Bank Negara Malaysia menerima deposit daripada bukan anggota Co-opbank.

(4) Peruntukan fasal (2) tidak terpakai kepada pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan.

(5) Pada setiap Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan, Co-opbank hendaklah-

- (a) memberitahu anggotanya mengenai deposit atau pinjaman yang diterima; dan
- (b) menetapkan had maksimum keterhutangan termasuk yang sedia ada.

Pelaburan wang

70. (1) Wang berlebihan Co-opbank boleh dilabur tertakluk kepada peruntukan seksyen 54 Akta, Peraturan-Peraturan Koperasi (Pelaburan) 2010 dan garis panduan.

(2) Had maksimum yang boleh dilaburkan oleh Co-opbank bagi sesuatu maksud hendaklah ditentukan oleh mesyuarat agung perwakilan.

Pemberian pembentangan oleh Co-opbank

71. Menurut seksyen 51 Akta, Co-opbank boleh memberi apa-apa pembentangan Islam atau kemudahan kredit lain kepada—

- (a) anggota-anggotanya tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan dalam aturan-aturan yang diluluskan Lembaga;

- (b) kakitangannya atau pekerjaannya termasuk Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Kewangan dan Setiausaha Co-opbank tertakluk kepada terma dan syarat perkhidmatan mereka; atau
- (c) subsidiarinya atau koperasi lain, individu, kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, agensi-agensi di bawah persekutuan, negeri atau swasta tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya.

Pengagihan untung bersih teraudit

72. (1) Keuntungan bersih teraudit Co-opbank seperti yang ditunjukkan dalam akaun untung rugi menurut seksyen 56 Akta, hendaklah diagihkan, tertakluk kepada seksyen 57 Akta, seperti berikut:

- (a) sebanyak mana yang ditentukan menurut fasal (2) Undang-undang Kecil 67 dibayar kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori; dan
- (b) sebanyak mana yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh Suruhanjaya dibayar kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi.

Disyaratkan bahawa menurut subseksyen 57(4) Akta, boleh ditolak apa-apa bayaran yang dibuat menurut perenggan (b) fasal (1) daripada jumlah wang menurut perenggan (a) fasal (1).

(2) Selepas pengagihan menurut fasal (1), dan peruntukan cukai pendapatan, jika ada, baki untung bersih teraudit, termasuk baki keuntungan yang belum dibahagikan menurut subseksyen 57(5) Akta, boleh digunakan bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:

- (a) pembayaran potongan kerana langganan atas perkhidmatan kewangan dan penggunaan produk oleh anggota;
- (b) pembayaran dividen atas syer anggota sebagaimana yang ditentukan oleh arahan atau garis panduan;
- (c) pembayaran honorarium kepada anggota Lembaga yang tidak boleh, bagaimanapun, melebihi jumlah wang yang disyorkan oleh mesyuarat agung perwakilan tahunan dan diluluskan oleh Suruhanjaya; atau
- (d) pemindahan peratusan tertentu kepada pelbagai kumpulan wang untuk kebajikan anggota dan masyarakat.

(3) Pembayaran dividen daripada mana-mana sumber selain untung bersih teraudit bagi tahun kewangan itu tidak boleh dibuat kecuali dengan mendapat kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Suruhanjaya, yang tidak boleh dalam mana-mana hal melebihi apa-apa kadar maksimum sebagaimana yang ditentukan dalam arahan atau garis panduan.

(4) Menurut subseksyen 57(7) Akta, bayaran kepada perkara-perkara menurut perenggan (b) fasal (1), fasal (2) dan (3), boleh dibuat hanya jika semua kerugian terkumpul telah dihapuskira sepenuhnya.

(5) Dengan kelulusan Suruhanjaya, Co-opbank boleh, sekiranya kerugian terkumpul tidak dihapuskira sepenuhnya, menggunakan untung bersih terauditnya untuk pembayaran dividen kepada anggotanya yang tidak boleh melebihi lima peratus daripada jumlah syer anggota, menurut subseksyen 57(8) Akta.

Dividen

73. (1) Pembayaran dividen mengikut syarat-syarat yang diperbuat dibawahnya kepada anggota di atas syer yang genap bayarannya dan masih ada dalam daftar nama anggota Co-opbank pada tiga puluh satu haribulan Disember tahun kewangan berkenaan. Apa-apa kadar dividen yang dibayar atas syer anggota adalah tertakluk kepada kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Suruhanjaya. Seseorang yang namanya tidak ada dalam daftar nama anggota Co-opbank pada tarikh pengisyiharan dividen berkenaan tidak layak untuk mendapat dividen.

(2) Pengiraan dividen dikira bermula dari tarikh kelulusan menjadi anggota oleh Mesyuarat Lembaga atas baki syer terendah anggota yang cukup tempoh sebulan kalendar adalah layak mendapat dividen mengikut tempoh purata pegangan bulanan.

(2A) Prinsip *tanazul* hendaklah digunakan dalam pembayaran dividen bagi pemegang syer keutamaan dan pemegang syer biasa di bawah Undang-undang Kecil 13A.

(3) Walau apa pun fasal (1), sebelum Co-opbank mengisyiharkan apa-apa dividen, ia hendaklah memohon secara bertulis kelulusan Suruhanjaya berkenaan dengan amaun yang dicadangkan hendak diisyiharkan, dan Suruhanjaya boleh meluluskan amaun itu, atau suatu amaun lain yang munasabah berdasarkan kedudukan kewangan Co-opbank.

(4) Dividen hendaklah dikreditkan ke akaun simpanan anggota selepas dividen itu diisyiharkan.

Kecukupan modal

74. Pengiraan kecukupan modal hendaklah berdasarkan kepada Rangka Kerja Modal yang ditetapkan oleh Suruhanjaya.

Likuiditi

75. Pengiraan likuiditi hendaklah berdasarkan kepada Rangka Kerja Likuiditi yang ditetapkan oleh Suruhanjaya.

BAHAGIAN VII

AKAUN DAN AUDIT

Tahun kewangan

76. Tahun kewangan Co-opbank bermula pada **satu** haribulan **Januari** dan berakhir pada **tiga puluh satu** haribulan **Disember** setiap tahun.

Penyenggaraan akaun

77. (1) Menurut seksyen 58 Akta, Lembaga hendaklah menyenggara dengan sempurna dan kemaskini rekod-rekod perakaunan dan rekod lain mengenai tiap-tiap transaksi dan kedudukan kewangan Co-opbank dan subsidiarinya, jika ada, yang berkaitan dengan—

- (a) aset tetap, pelaburan dan deposit;
- (b) syer serta simpanan khas yang dicarum oleh anggota; dan
- (c) aktiviti yang dijalankan.

(2) Catatan dalam rekod perakaunan dan rekod lain menurut fasal (1) hendaklah dibuat dengan seberapa segera tetapi tidak lewat daripada tiga puluh hari dari selesai sesuatu transaksi, menurut subseksyen 58(2) Akta.

(3) Penyediaan akaun iaitu akaun perdagangan, untung rugi dan kunci kira-kira hendaklah dibuat dengan seberapa segera tetapi tidak lewat daripadadua bulan selepas tamatnya tahun kewangan supaya dapat diaudit.

(4) Akaun menurut fasal (3) yang telah diaudit hendaklah dibentangkan di dalam mesyuarat agung perwakilan tidak lewat daripada enam bulan selepas tamatnya tahun kewangan itu.

- (5) Rekod perakaunan menurut fasal (1) hendaklah disimpan—
- (a) di pejabat berdaftar Co-opbank pada sepanjang masa atau di mana-mana tempat lain yang difikirkan patut oleh Lembaga menurut subseksyen 58(4) Akta; dan
 - (b) selama enam tahun selepas diaudit menurut Peraturan.

(6) Rekod ini boleh diperiksa oleh anggota pada bila-bila masa mengikut syarat-syarat pemeriksaan yang ditetapkan oleh Lembaga.

(7) Lembaga boleh melantik mana-mana individu atau firma untuk mengemaskinikan rekod perakaunan bagi memastikan rekod tersebut dapat diaudit dalam tempoh yang ditetapkan.

(8) Suruhanjaya boleh, menurut subseksyen 58(5) Akta, dalam kes-kes tertentu memerintahkan supaya rekod-rekod perakaunan Co-opbank diserahkan untuk diperiksa oleh seseorang juruaudit yang bertindak bagi pihak seseorang anggota atau pegawai.

(9) Suatu senarai terperinci butir-butir perbelanjaan Lembaga dan bayaran kepada atau bagi pihak anggota individu Lembaga dan jawatankuasa hendaklah dimasukkan dalam nota kepada akaun untung rugi Co-opbank, menurut Peraturan.

(10) Co-opbank dikehendaki mengemukakan penyata kewangan teraudit kepada Suruhanjaya dalam tempoh sembilan puluh hari selepas tahun kewangannya berakhir pada setiap tahun, atau tempoh masa yang diluluskan oleh Suruhanjaya.

Penyiaran dan pameran kunci kira-kira teraudit dan dokumen lain

78. Co-opbank hendaklah, dalam tempoh empat belas hari sebelum tarikh mesyuarat agung perwakilan tahunannya, atau dalam apa-apa tempoh lanjut sebagaimana yang diluluskan oleh Suruhanjaya mempamerkan melalui apa-apa medium bercetak atau elektronik yang bersesuaian dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris satu salinan kunci kira-kira teraudit dan apa-apa dokumen lain yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

Resit dan baucar

79. (Dimansuhkan).

Pelantikan dan kewajipan juruaudit

80. (1) Lembaga hendaklah melantik seorang juruaudit yang diluluskan oleh Suruhanjaya bagi mengaudit akaun Co-opbank, menurut perenggan 60(1)(a) Akta.

(2) Juruaudit yang dilantik menurut fasal (1) hendaklah dipilih oleh mesyuarat Lembaga daripada panel yang diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan dan mengemukakan satu salinan suratcara pelantikan menurut Peraturan kepada Suruhanjaya.

(3) Juruaudit berkewajipan untuk mengaudit akaun dan rekod Co-opbank dan hendaklah memberi laporan mengenai penyata kewangan yang dikemukakan oleh Co-opbank selepas berakhirnya tahun kewangan itu untuk perhatian Suruhanjaya serta anggota Co-opbank, menurut seksyen 63 Akta.

Penyerahan buku dan dokumen untuk diaudit

81. Menurut Peraturan, suatu senarai buku dan dokumen Co-opbank hendaklah disediakan oleh Co-opbank dan diserahkan kepada juruaudit untuk ditandatangan sebagai pengakuan penerimaannya. Sesalinan senarai itu hendaklah disimpan oleh Co-opbank.

Mengemukakan penyata kewangan dan laporan kepada perwakilan

82. Satu salinan penyata berikut hendaklah disampaikan kepada tiap-tiap perwakilan tidak lewat daripada lima belas hari sebelum mesyuarat agung perwakilan tahunan:

- (a) akaun untung rugi;
- (b) apa-apa penyata sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya;
- (c) kunci kira-kira dan laporan Lembaga mengenai kedudukan hal ehwal Co-opbank dan subsidiari yang telah dikemukakan untuk mendapat pandangan Suruhanjaya, menurut subseksyen 59 (2) Akta;
- (d) laporan juruaudit; dan
- (e) laporan Jawatankuasa Audit Dalaman.

BAHAGIAN VIII

PELBAGAI

Akaun bank

83. Akaun bank bagi Co-opbank hendaklah diuruskan oleh mereka yang diberi kuasa oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

Mohor Co-opbank

84. (1) Co-opbank hendaklah mempunyai satu mohor. Mohor ini tidak boleh dimeteraikan di atas mana-mana surat melainkan dengan keputusan Lembaga. Pengerusi atau Timbalan Pengerusi dan pegawai-pegawai lain yang diberi kuasa oleh Lembaga dikehendaki menurunkan tandatangan mereka di atas tiap-tiap surat yang hendak dimeteraikan.

(2) Dokumen yang diperbuat atas nama Co-opbank sama ada dimeteraikan atau tidak, dan ditandatangan dengan sahnya oleh Pengerusi, Timbalan Pengerusi atau pegawai lain yang diberi kuasa oleh Lembaga hendaklah disifatkan mengikat ke atas Co-opbank sehingga sebaliknya dibuktikan.

Pertukaran alamat anggota

85. Tiap-tiap anggota hendaklah memberitahu Co-opbank akan pertukaran alamatnya dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh pertukaran alamat itu. Semua surat kepada anggota yang dihantar dengan pos atau dikirimkan kepada alamatnya yang terakhir hendaklah dianggap sebagai telah disampaikan.

Penyediaan dokumen untuk diperiksa

86. (1) Menurut seksyen 13 Akta, Co-opbank hendaklah menyediakan perkara berikut yang terbuka untuk diperiksa oleh anggota Co-opbank sahaja tanpa apa-apa bayaran, pada masa-masa yang munasabah di alamat berdaftar Co-opbank—

- (a) suatu salinan Akta dan Peraturan atau perintah, arahan atau garis panduan;

- (b) suatu salinan Undang-undang Kecil dan akaun teraudit yang terakhir;
- (c) suatu senarai anggota;
- (d) suatu senarai anggota Lembaga;
- (e) nama Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Kewangan dan Setiausaha Co-opbank, jika ada; dan
- (f) suatu senarai pegawai Co-opbank yang berkenaan dengan pengurusan Co-opbank, jika ada.

(2) Co-opbank hendaklah juga menyediakan aturan-aturan aktiviti untuk diperiksa oleh anggota, jika ada.

Penyerahan tugas

87. Penyerahan tugas hendaklah dilakukan secara bertulis apabila berlaku pertukaran bagi apa-apa jawatan dalam Co-opbank dan disempurnakan dalam tempoh tidak lewat daripada empat belas hari selepas berkuatkuasanya pertukaran itu.

Laporan oleh seseorang yang dilantik mewakili Co-opbank

88. (1) Seseorang yang dilantik untuk mewakili Co-opbank di dalam apa-apa mesyuarat, seminar, forum atau lawatan sambil belajar atas perbelanjaan Co-opbank sama ada di dalam atau di luar negara, menurut Peraturan, hendaklah mengemukakan laporan ringkas kepada mesyuarat agung perwakilan tahunan yang akan datang yang terawal diadakan bagi Co-opbank.

(2) Jika orang itu gagal mengemukakan laporan, dia hendaklah membayar balik semua perbelanjaan yang telah ditanggung oleh Co-opbank. Co-opbank berhak mendapatkan balik setiap perbelanjaan tersebut seolah-olah ianya suatu hutang yang kena dibayar kepada Co-opbank.

Pertikaian

89. (1) Segala pertikaian menurut subseksyen 82(1) Akta, yang menyentuh hal penubuhan, Undang-undang Kecil, pemilihan pegawai, perjalanan mesyuarat agung perwakilan, pengurusan atau perniagaan Co-opbank hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya, menurut Peraturan.

(2) Mana-mana anggota yang dibuktikan telah membuat pengaduan atau merujukkan pertikaianya kepada mana-mana orang selain daripada Suruhanjaya hendaklah dianggap telah bertindak dengan cara yang memudaratkan kepentingan Co-opbank dan boleh dikenakan tindakan menurut Undang-undang Kecil 23.

(3) Segala pertikaian selain daripada yang dinyatakan menurut subseksyen 82(1) Akta hendaklah dirujuk kepada mesyuarat agung perwakilan Co-opbank untuk penyelesaian. Apa-apa pertikaian yang tidak dapat diselesaikan hendaklah diputuskan oleh Suruhanjaya dan keputusannya adalah muktamad.

Pemeliharaan kerahsiaan

90. Anggota Lembaga, pegawai, pekerja, juruaudit atau mana-mana orang yang mempunyai akses kepada maklumat mengenai Co-opbank atau mana-mana anggota yang diperolehi dalam melaksanakan perniagaan atau tugas dengan Co-opbank, tidak boleh digunakan untuk kepentingan peribadi dan tidak boleh dizahirkan kepada mana-mana orang tanpa izin anggota atau Co-opbank melainkan yang dibenarkan oleh Undang-undang bertulis.

Pembubaran

91. Co-opbank hanya boleh dibubarkan dengan perintah Suruhanjaya.

Akta, Peraturan dan Undang-undang Kecil

92. (1) Undang-undang Kecil ini adalah dibuat menurut Peraturan dan hendaklah tertakluk kepada peruntukan Akta dan Peraturan. Apa-apa pindaan kepada Undang-undang Kecil ini tidak boleh dibuat melainkan dengan kehendak atau kebenaran Suruhanjaya.

(2) Apa-apa urusan Co-opbank hendaklah tertakluk kepada Akta, Peraturan, garis panduan dan Undang-undang Kecil serta aturan aktiviti dan hendaklah dibaca bersekali.

Undang-undang Kecil hendaklah mengikat anggota

93. Menurut seksyen 17 Akta, Undang-undang Kecil ini hendaklah mengikat Co-opbank dan anggotanya sehingga takat yang sama seolah-olah Undang-undang Kecil ini telah ditandatangani oleh tiap-tiap anggota dan mengandungi waad pada pihak tiap-tiap anggota bagi dirinya sendiri dan bagi pengantinya untuk mematuhi segala peruntukan Undang-undang Kecil ini.

Diakui pindaan Undang-undang Kecil ini telah dibentang, dibincang dan diluluskan di dalam mesyuarat agung perwakilan kali ke **enam puluh dua** pada **dua puluh lima** haribulan **Jun** tahun **dua ribu dua puluh dua**.

(Datuk Baharom bin Embi)
Pengerusi

(Hajah Nor Hidayah binti Omar)
Timbalan Pengerusi

(Dato' Sharudin bin Mohd Sa'ad)
Anggota Lembaga

DIREKTORI CAWANGAN & PEJABAT WILAYAH

Outlet Gombak No.17, Blok A Plaza KL Traders Square, No.99 Jalan Gombak 53000 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan. Email: outletgombak@cbp.com.my No tel: 03-40317650	Melaka 27, Jalan Komersial, Kota Fesyen MITC, 75450 Ayer Keroh, Melaka. Email: melaka@cbp.com.my No tel: 06-2347650
Johor Bahru 45, Wisma Co-opbank Pertama, Jalan Padi Emas 1/3, Bandar Baru Uda, 81200, Johor Bahru, Johor. Email: johorbahru@cbp.com.my No tel: 07-2446650	Batu Pahat 12, Jalan Setia Jaya, Taman Setia Jaya, 83000, Batu Pahat, Johor Darul Takzim. Email: batupahat@cbp.com.my No tel: 07-4337650
Alor Setar 59, Wisma Co-opbank Pertama, Pekan Simpang Kuala, 05400 Alor Star, Kedah Darul Aman. Email: alorsetar@cbp.com.my No tel: 04-7717650	Sungai Petani 16, Wisma Co-opbank Pertama, Jalan Legenda 2, Legenda Heights, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman. Email: sungaipetani@cbp.com.my No tel: 04-4230853
Kota Bharu PT 1562, Persiaran KK6, Bandar Baru Kubang Kerian, 16150 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim. Email: kotabharu@cbp.com.my No tel: 09-7667650	Tanah Merah No.15, Jalan Humaira 2, 17500 Tanah Merah, Kelantan. Email: tanahmerah@cbp.com.my No tel: 09-954 4636
Seremban No.8, Jalan S2 B15, Pusat Dagangan Seremban 2, 70300 Seremban 2, Negeri Sembilan. Email: seremban@cbp.com.my No tel: 06-6019650	Port Dickson No.8, Lot 20, Bandar Port Dickson Jalan Pantai (Jalan Dato Abd Samad), 71000 Port Dickson, Negeri Sembilan. Email: portdickson@cbp.com.my No tel: 06-647 7650
Kuantan No 1, Jalan Putra Square 4, Putra Square, 25200 Kuantan, Pahang Darul Makmur. Email: kuantan@cbp.com.my No tel: 09-5173650	Temerloh No.1, Tingkat Bawah, Jalan Dagang 2, Dynaton Bukit Angin, 28000 Temerloh, Pahang. Email: temerloh@cbp.com.my No tel: 09-2908650
Taiping 159-161, Jalan Barrack, 34000 Taiping, Perak Darul Ridzuan. Email: taiping@cbp.com.my No tel: 05-8077058	Ipoh C-G-1, Wisma Co-opbank Pertama, Greentown Square, Jalan Dato' Seri Ahmad Said, 30450 Ipoh, Perak Darul Ridzuan. Email: ipoh@cbp.com.my No tel: 05-2547650

<p>Manjung No.2482A, Taman Samudera, 32040 Seri Manjung, Perak Darul Ridzuan. Email: manjung@cbp.com.my No tel: 05-6881650</p>	<p>Kangar 346, Jalan Baru Kangar-Alor Setar, Taman Mutiara, 01000 Kangar, Perlis Indera Kayangan. Email: kangar@cbp.com.my No tel: 04-9777650</p>
<p>Butterworth 43-45, Wisma Co-opbank Pertama, Jalan Selat, Taman Selat, 12000 Butterworth, Pulau Pinang. Email: kangar@cbp.com.my No tel: 04-3337424</p>	<p>Kepala Batas 30, Wisma Co-opbank Pertama, Jalan Usahawan 2, Kompleks Perniagaan Kepala Batas, 13200 Kepala Batas, Pulau Pinang. Email: kepalabatas@cbp.com.my No tel: 04-5751199</p>
<p>Nibong Tebal 26, Jalan Sungai Bakap, Taman Merbah, 14300 Nibong Tebal, Pulau Pinang. Email: nibongtebal@cbp.com.my No tel: 04-5935007</p>	<p>Bayan Baru 118, Wisma Co-opbank Pertama, Jalan Mayang Pasir, Taman Sri Tunas, 11950 Bayan Baru, Pulau Pinang. Email: bayanbaru@cbp.com.my No tel: 04-6439790</p>
<p>Kota Kinabalu Lot No. 2,A-0-1 & A-1-1, Blok A, Alamesra Plaza Utama,Lorong Plaza Utama 3, Jalan Sulaman,88400 Kota Kinabalu, Sabah. Email: kotakinabalu@cbp.com.my No tel: 088-487650</p>	<p>Tawau Lot 47-0, Lot 47-1, Lot 48-0, Lot 48-1, Kubota Square, Jalan Kubota, 91000 Tawau, Sabah. Email: tawau@cbp.com.my No tel: 089-761740</p>
<p>Kuching Lot 423 & 424, Jalan Kulas, 93400 Kuching Sarawak. Email: kuching@cbp.com.my No tel: 082-257650</p>	<p>Shah Alam 2, Jalan Tengku Ampuan Zabedah D9/D, Seksyen 9, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Email: shahalam@cbp.com.my No tel: 03-55117650</p>
<p>Kuala Selangor 19-G & 1, Jalan Bendahara 1/1, Taman Bendahara, 45000, Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan. Email: kualaselangor@cbp.com.my No tel: 03-32897560</p>	<p>Kuala Terengganu No. 1553, Tingkat Bawah & Tingkat 1, Jalan Masjid Abidin, 20100 Kuala Terengganu, Terengganu Email: kualaterengganu@cbp.com.my No tel:09-6267650</p>
<p>Dungun Lot 7933, Jalan Baru Pak Sabah, 23000 Kuala Dungun, Terengganu. Email: dungun@cbp.com.my No tel: 09-845 7650</p>	<p>Putrajaya No. 25, Jalan P8G1, Presint 8, 62250 Putrajaya, Wilayah Persekutuan. Email: putrajaya@cbp.com.my No tel: 03-88618650</p>
<p>Setapak No. C-05 & C-06, Starparc Point, Jalan Genting Klang, 53300 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan. Email: setapak@cbp.com.my No tel: 03-4131 7650</p>	<p>Kuala Lumpur Tingkat 1, Wisma JCBNext, No.27, Lorong Medan Tuanku 1, Off Jalan Sultan Ismail, 50300 Wilayah Persekutuan. Email: kualalumpur@cbp.com.my No tel: 03-26917650</p>

PEJABAT WILAYAH	
Pejabat Wilayah 1 No.41,43 & 45, Wisma Co-opbank Pertama, Jalan Selat, Taman Selat, 12000 Butterworth, Pulau Pinang. Email: pejabatwilayah1@cbp.com.my No tel:- 019-4071717	Pejabat Wilayah 2 C-G-1, Wisma Co-opbank Pertama, Greentown Square, Jalan Dato' Seri Ahmad Said, 30450 Ipoh, Perak Darul Ridzuan. Email: wilayah2@cbp.com.my No tel:- 012-5338594
Pejabat Wilayah 3 No. C-05 & C-06, Starparc Point, Jalan Genting Klang, 53300 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan. Email: wilayah3@cbp.com.my No tel:- 017-9654367	Pejabat Wilayah 4 45, Wisma Co-opbank Pertama, Jalan Padi Emas 1/3, Bandar Baru Uda, 81200, Johor Bahru, Johor. Email: wilayah4@cbp.com.my No tel:- 012-5723698
Pejabat Wilayah 5 No 1, Jalan Putra Square 4, Putra Square, 25200 Kuantan, Pahang Darul Makmur Email: wilayah5@cbp.com.my No tel:- 017-9669717	Pejabat Wilayah 6 PT 1562, Persiaran KK6, Bandar Baru Kubang Kerian, 16150 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim. Email: wilayah6@cbp.com.my No tel:- 019-2170002
Pejabat Wilayah 7 Lot No. 2,A-0-1 & A-1-1, Blok A, Alamesra Plaza Utama, Lorong Plaza Utama 3, Jalan Sulaman, 88400 Kota Kinabalu, Sabah. Email: wilayah7@cbp.com.my No tel:- 016-8427990	Pejabat Wilayah 8 Lot 423 & 424, Jalan Kulas, 93400 Kuching Sarawak. No tel:- 016-8427990